



LAPORAN TAHUNAN 2021

JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

BOMBA FRONTLINERS KELUARGA MALAYSIA

"CEPAT DAN MESRA"



KANDUNGAN

▶ KATA ALU-ALUAN KETUA PENGARAH Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia	4
▶ PENGURUSAN TERTINGGI Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia	8
▶ CARTA ORGANISASI Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia	12
▶ VISI, MISI, NILAI TERAS, PERANAN, PELAN STRATEGIK DAN MOTO Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia	14
▶ PENCAPAIAN TAHUN 2021	15
▶ PEMBANGUNAN MODAL INSAN	122
▶ PENGIKTIRAFAN DAN PENGANUGERAHAN	139
▶ PROGRAM BAHAGIAN-BAHAGIAN	143
▶ LENSA JBPM TAHUN 2021	169

**LAPORAN
TAHUNAN
2021**



Kata Alu-Aluan Ketua Pengarah

Salam Sejahtera dan Salam Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Berprestasi Tinggi, Cepat dan Mesra.

Syukur dipanjatkan kehadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurniaNya kita masih dianugerahkan kehidupan dan kesihatan yang baik bagi meneruskan agenda dan aspirasi jabatan ke arah menjadi organisasi berprestasi tinggi dalam memberikan perkhidmatan kebombaan dan penyelamatan yang terbaik buat seluruh Keluarga Malaysia.

“Sikap yang tidak mementingkan diri dalam kalangan pegawai bomba seperti ini amat tinggi nilainya dan seharusnya diberikan penghargaan.
TERIMA KASIH WIRA MERAH 99

2021 DAN BENCANA

Tahun 2021 telah melabuhkan tirainya dan telah mengabadikan kenangan yang amat mendalam kepada kita semua. Ia diwarnai dengan peristiwa pahit, manis, suka dan duka serta meninggalkan kesan, peringatan, pengajaran dan pedoman yang amat berguna kepada semua warga Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Peristiwa yang sukar kita lupakan dalam lipatan memori adalah kejadian yang menguji kecekalan, ketahanan dan keupayaan kita sebagai *frontliners* dan *backliners*, dalam memastikan penyampaian perkhidmatan kebombaan dan penyelamatan yang terbaik kepada rakyat dan mangsa tika dan masa mereka dilanda musibah bencana baik di atas faktor alam mahupun disebabkan faktor industri, sungguhpun kita masih lagi bergelut dengan krisis kesihatan sejagat.



Bencana banjir besar ekoran daripada perubahan *Monsoon* yang mengakibatkan bacaan limpahan hujan yang tinggi disertakan juga dengan peningkatan paras air sungai yang mendadak pada 18 Disember tahun lalu, telah mengakibatkan beberapa negeri ditenggelami air bah dan lumpur yang dahsyat sehingga meragut banyak nyawa dan merosakkan harta benda sehingga berbilllion ringgit. Ia merupakan salah satu bencana yang amat buruk pernah berlaku dalam tempoh ini.

Dalam pada usaha menyelamatkan orang awam, anggota bomba juga tidak terkecuali menjadi mangsa apabila rumah mereka turut terjejas banjir dan ahli keluarga mereka turut menjadi mangsa yang perlu diselamatkan dan dipindahkan. Komitmen pegawai dalam menyelamatkan orang awam sehingga terpaksa menepikan urusan keluarga sendiri dan berkhidmat **beyond the line of duty** ini amatlah dihargai. Sikap yang tidak mementingkan diri dalam kalangan pegawai bomba seperti ini amat tinggi nilainya dan seharusnya diberikan penghargaan. **TERIMA KASIH WIRA MERAH.**

Sekiranya kita mengimbas kembali kejadian bencana seperti ini dalam tahun 2021, ia juga memberi gambaran bahawa kejadian kecemasan atau bencana bukan hanya berlaku pada musim tertentu sahaja malah ia boleh melanda bila-bila masa khususnya di kawasan berisiko tinggi. Oleh itu, penilaian risiko perlu dilaksanakan dari semasa ke semasa bagi memastikan aspek keselamatan penduduk sentiasa diberikan keutamaan. Melalui pengalaman seumpama ini sudah tentu perancangan dan persediaan yang rapi dan mantap serta gerak respon yang tangkas beserta koordinasi yang bersepodu akan mengurangkan *professional errors*, seterusnya objektif dan misi untuk mengurangkan kemudaratan, kerosakan dan kematian akan tercapai.



BOMBA DAN KOMUNITI

Keselamatan awam merupakan faktor yang amat dititikberatkan bagi mengurangkan risiko kemalangan, kecederaan dan kebakaran dalam kalangan komuniti. Antara strategi kluster keselamatan dalam Dasar Komuniti Negara adalah memastikan persekitaran hidup yang selamat di samping meningkatkan kesedaran dan pengetahuan berkaitan aspek keselamatan. Ini seiring dengan matlamat yang terkandung dalam pembangunan Dasar Kebombaan dan Penyelamatan Negara (DKPN) 2021-2030 dalam membangunkan kefahaman, kesedaran serta pembudayaan amalan keselamatan awam yang baik.



Berpegang kepada prinsip BOMBA dan masyarakat berpisah tiada, jabatan telah mengambil langkah komprehensif dengan mewujudkan program bersama masyarakat antaranya melalui penubuhan pasukan Bomba Komuniti dan SURI di mana penghuni di kawasan perumahan bertindak sebagai penyebar mesej keselamatan kebakaran di kalangan penduduk setempat dan juga mampu menangani kebakaran di peringkat awal. Sepanjang tahun 2021 juga, sebanyak 2,418 aktiviti di bawah program kesedaran awam telah dilakukan seperti ceramah, demonstrasi, pameran, pengungsian bangunan dan juga *mock drill*. Program seumpama ini dibuat bagi memastikan tahap kesedaran dalam diri rakyat Malaysia dapat dipupuk dan dijadikan amalan harian. Hal ini secara tidak langsung dapat melaksanakan fokus utama strategik di bawah DKPN bagi meningkatkan tahap perlindungan dan kesedaran awam terhadap keselamatan kebakaran serta pengurusan kecemasan.

BOMBA DAN INTEGRITI

2021 merupakan detik yang cukup manis bagi jabatan apabila telah berjaya memperbaharui Sijil MS ISO 90001:2015 Pengurusan Kualiti dan juga telah mendapat pengiktirafan MS ISO 37001:2016 Anti-Bribery Management System (ABMS) di mana Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia merupakan agensi pertama di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang mendapat pengiktirafan MS ISO 37001:2016. Ini merupakan salah satu pencapaian yang amat membanggakan jabatan. Di harap dengan pengiktirafan ini iaanya dapat mencapai sasaran jabatan iaitu **zero tolerance towards corruption** di dalam penyampaian perkhidmatan kebombaan dan penyelamatan kepada masyarakat.

Bagi Tahun 2022, jabatan melalui Unit Integriti selaku compliance function bersama Jawatankuasa Pemandu Pelaksanaan ABMS Jabatan terus komited mengorak langkah ke hadapan dengan Pengembangan Skop Anti Bribery Management System (ABMS) ISO 37001:2016 ke Fasa II melibatkan Bahagian Kejuruteraan Jentera dan Cawangan Pengurusan Kewangan di peringkat negeri. Komitmen ini selari dengan potensi dan risiko rasuah semasa jabatan dan ia sebagai usaha proaktif untuk memastikan tadbir urus jabatan terus berada di tahap yang terbaik. Oleh yang demikian, komitmen dan sokongan pengurusan di segenap peringkat amat diperlukan bagi merealisasikan perkara ini.

WAY FORWARD

Dalam menyokong dan merealisasikan misi Kerajaan untuk Merawat Keresahan Rakyat, Membina Keyakinan Rakyat dan Menepati Ekspektasi Rakyat, JBPM berazam untuk menjadikan tahun 2022 sebagai tahun pelaksanaan dan pencapaian dengan menumpukan titik sentuh dan fokus seperti berikut:-

- i. Mengurus dan mengendalikan tugas teras berkaitan pencegahan penularan virus COVID-19;
- ii. Merawat keresahan dan kemaslahatan masyarakat ekoran daripada kerosakan dan kemusnahaan daripada bencana banjir;
- iii. Melaksanakan segala pelan tindakan jangka pendek di bawah DKPN 2030;
- iv. Memperkasakan keupayaan tugas teras JBPM;
- v. Membangunkan kemampuan sumber manusia setiap peringkat;
- vi. Menambah baik peraturan dan sistem pengurusan dan pengendalian bencana dan kecemasan;
- vii. Memastikan segala pengurusan kualiti mematuhi piawaian dan persijilan;
- viii. Merakyatkan perkhidmatan kebombaan melalui program mendayakan komuniti.






PENGHARGAAN

Tahun 2021 kita tutup dengan kerja keras semua pihak dalam menghadapi bencana-bencana yang tidak memilih siapa mangsanya. Bersama-sama kita berdoa kepada Yang Maha Esa semoga tahun-tahun mendatang ini memberikan kita semua sinar dan semangat baharu. Saya menyeru kepada diri saya dan semua, marilah bersama-sama kita bertekad untuk memastikan kita meningkatkan tahap kecekapan dan kemahiran serta memberikan perkhidmatan kebombaan yang terbaik dengan penuh berintegriti, cepat dan mesra.

Saya juga ingin menyeru seluruh warga Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia untuk sentiasa berkhidmat sebagai sebuah keluarga seperti kata peribahasa **seikat bak sirih, serupun bak serai**. Dalam melaksanakan tugas operasi, kerjasama berpasukan adalah kunci kejayaan dalam memudahkan sesuatu kerja kerana **berat sama dipikul, ringan sama dijinjing**. **We must continue to set the bar higher.**

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah
Wasalamualaikum Warahmatullahi Taalahi Wabarakatuh.
Terima kasih.





Pengurusan Tertinggi

Jabatan Bomba dan Penyelamat
Malaysia



**YAS DATO' SRI TS. MOHAMMAD HAMDAN
BIN HJ. WAHID**
Ketua Pengarah
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia



**YAS DATO' ABDUL
WAHAB BIN HJ. MAT
YASIN**
Timbalan Ketua Pengarah
(Operasi)
Jabatan Bomba dan
Penyelamat Malaysia



**YAS DATO' EDWIN
GALAN TERUKI**
Timbalan Ketua Pengarah
(Pembangunan)
Jabatan Bomba dan
Penyelamat Malaysia

Pengarah Bahagian

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia



YS TPjB DATO' TS. NOR HISHAM BIN MOHAMMAD

Pengarah
Bahagian Operasi
Kebombaan dan
Penyelamat



YS TPjB DATO' TS. AHMAD IZRAM BIN OSMAN

Pengarah
Bahagian Penyiasatan
Kebakaran



YS PKpjB OTHMAN BIN ABDULLAH

Pengarah
Bahagian Pembangunan



YS PKpjB AZLIMIN BIN MAT NOOR

Pengarah Bahagian
Penyiasatan Kebakaran



YS PKpjB MD ALI BIN ISMAIL

Pengarah Bahagian
Latihan



YS PKpjB TS. NAZILI BIN HJ. MAHMOOD

Pengarah
Bahagian Udara



YS PKpjB KAMARULZAMAN MALIK BIN ABDULLAH

Pengarah
Bahagian Perancangan
dan Penyelidikan



YS PPjB MOHAMAD SHOKI BIN HAMZAH

Pengarah
Bahagian Pengurusan
Korporat



EN. ROSNADI BIN MAJID

Pengarah Bahagian
Pengurusan



EN. MOHD SALEHUDDIN AL-AYUBI BIN ALI

Pengarah
Bahagian Kejuruteraan
Jentera



PPjB MORNİ BIN MAMAT

Ketua Unit Integriti



Pengarah Negeri

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

**YS PKPjB HJ. NORDIN BIN PAUZI**

Pengarah
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
Kuala Lumpur

YS PKPjB NORAZAM BIN KHAMIS

Pengarah
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
Negeri Selangor

**YS PKPjB DATO' HJ. YAHAYA
BIN HJ. MADIS**

Pengarah
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
Negeri Johor

**YS PKPjB DATU HJ. KHIRUDIN BIN
DRAHMAN@HUSSAINI**

Pengarah
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
Negeri Sarawak

**YS PKPjB SAADON BIN MOKTAR**

Pengarah
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
Negeri Pulau Pinang

YS PKPjB ABDUL RAZAK BIN MUDA

Pengarah
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
Negeri Sabah

**YS PKPjB AZMI BIN OSMAN**

Pengarah
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
Negeri Perak

YS PKPjB DATO' IR. DR. HJ.

WAN MOHAMMAD ZAIKI BIN WAN ISA
Pengarah
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
Negeri Pahang



Pengarah Negeri

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia



YS PKPjB SAYANI BINTI HAJI SAIDON

Pengarah
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
Negeri Kedah



YS PPjB HJ. HAMDAN BIN HJ. ALI

Pengarah
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
Negeri Sembilan



YS PPjB MD HILMAN BIN ABD. RASHID

Pengarah
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
Negeri Terengganu



YS PPjB ABU ABU BAKAR BIN KATAIN

Pengarah
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
Negeri Melaka



YS PPjB JAINAL@ZAINAL BIN MADASIN

Pengarah
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
Negeri Kelantan



YS PgKB I RUHISHA BIN HARIS

Pengarah
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
Negeri Perlis



YS PgKB I ISMAIDI BIN HAJI ISMAIL

Ketua Pengarah
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
Labuan



YS PgKB I NOR ARIFIN BIN KAMARI

Pengarah
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
Putrajaya

CARTA ORGANISASI

JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA



KETUA PENGARAH



TIMBALAN KETUA PENGARAH
(OPERASI)



PENGARAH BAHAGIAN OPERASI
KEBOMBAAN DAN PENYELAMAT



PENGARAH BAHAGIAN
PENYIASATAN KEBAKARAN



PENGARAH
BAHAGIAN UDARA

PENGARAH
BAHAGIAN



PENGARAH JBPM
NEGERI SABAH



PENGARAH JBPM
NEGERI PULAU PINANG



PENGARAH JBPM
LABUAN



PENGARAH JBPM
NEGERI MELAKA



PENGARAH JBPM
NEGERI TERENGGANU




PENGARAH JBPM
KUALA LUMPUR

PENGARAH
NEGERI



PENGARAH JBPM
NEGERI KEDAH





JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

VISI

Menjadi sebuah organisasi kebombaan dan penyelamatan yang berprestasi tinggi.

MISI

Memberi perkhidmatan kebombaan dan penyelamatan yang profesional bagi menyelamatkan nyawa dan harta benda demi kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negara.

NILAI TERAS

1. Berani
2. Suka Menolong Orang
3. Tidak Mementingkan Diri Sendiri
4. Sabar
5. Tidak Berputus Asa

PERANAN

Objektif dan Fungsi JBPM dengan jelas dinyatakan di bawah Seksyen 5 (1) & (2) Akta 341.

PELAN STRATEGIK JABATAN

Strategi Utama

Memperkasakan Perkhidmatan Kebombaan dan Penyelamatan untuk Kesejahteraan Kualiti Hidup Masyarakat.

Strategi 1

Memastikan Rakyat Mendapat Perkhidmatan Kebombaan dan Penyelamatan yang Berkesan.

Strategi 2

Mengamalkan Budaya Pencegahan dan Keselamatan Kebakaran.

Strategi 3

Memberikan Perkhidmatan Sokongan yang Efektif bagi Menjayaan Strategi 1 dan 2.



**MOTO
“CEPAT DAN MESRA”**

**SEDA
MENYELAMAT
999**
READY TO SAVE



PENCAPAIAN TAHUN 2021


JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

PENCAPAIAN OPERASI KEBOMBAAN DAN PENYELAMAT

1.1 STATISTIK OPERASI 2021


i. Response Time

- Pencapaian *Response Time* Tahun 2021 ialah **65.13%** (meningkat sebanyak **6.04%** berbanding 2020)
- Purata *Response Time* Kebangsaan ialah **8.54 minit** (menurun sebanyak **3.04 minit** berbanding 2020)



ii. Kes Kecemasan

- Jumlah Kes Kecemasan Tahun 2021 ialah **167,989** kes (peningkatan sebanyak **34.83%** berbanding 2020)
- Kes Kebakaran meliputi 21.37% panggilan iaitu sebanyak 35,902 kes (meningkat berbanding 2020)
- Kes Penyelamatan meliputi 50.27% panggilan iaitu sebanyak 84,449 kes (meningkat berbanding 2020)
- Kes tugas khas meliputi 28.26% panggilan iaitu sebanyak 47,467 kes (meningkat berbanding 2020)
- Panggilan palsu pula meliputi 0.1% panggilan iaitu sebanyak 171 kes (menurun berbanding 2020)






iii. Mangsa yang terlibat dengan kebakaran dan lemas

- Mangsa meninggal dunia akibat kebakaran adalah seramai 79 orang (menurun sebanyak 33.61% berbanding 2020)
- Mangsa meninggal dunia akibat lemas pula mencatatkan 57 orang (Tahun 2021) berbanding 306 orang (Tahun 2020)
- Jabatan masih meneruskan usaha gigih bersama dengan rakan strategik melalui Majlis Keselamatan Aktiviti Air (MKAA) dalam melaksanakan program khidmat nasihat dan kesedaran awam kepada masyarakat.

JUMLAH MANGSA



iv. Nilai harta yang diselamatkan dan kerugian akibat kebakaran

- Nilai harta yang diselamatkan berjumlah RM8.86 bilion (menurun 35.61% berbanding 2020)
- Nilai kerugian berjumlah RM1.76 bilion (menurun 21.78% berbanding 2020)

1.2 COVID-19

Status Operasi Keseluruhan - 88,023 (sehingga 31 Disember 2021)

- Humanitarian Assistance Disaster Relief (HADR) - 8
- Pemindahan Mangsa - 7,670
- Disinfeksi Bangunan - 57,193
- Membantu Pengurusan Jenazah - 2,398
- Pemeriksaan Keselamatan Kebakaran Stesen Kuarantin - 225
- Lain-Lain Tugas - 20,187

Data Harian: 31.12.2021

Laporan Harian OPERASI COVID-19

Tarikh Data Kumulatif: 30 Mac 2020

NEGERI	KATEGORI OPERASI							JUMLAH	
	A (LUAR NEGARA)	B (DILAMU NEGARA)	C	D	E	F	G		
PERLIS	0	0	0	828	0	3	2	33	866
KEDAH	0	0	347	3,558	13	3	149	194	4,264
P. PINANG	0	62	2	4,069	1	4	58	61	4,257
PERAK	0	0	3	5,748	0	2	3	158	5,914
SELANGOR	0	5	15	3,803	0	28	30	151	4,032
K. LUMPUR	0	2	62	2,050	22	20	36	75	2,267
N. SEMBILAN	0	1	111	1,558	5	4	3	110	1,792
MELAKA	0	0	3	5,890	0	3	6	106	6,008
JOHOR	0	1	187	4,920	1	57	35	264	5,465
PAHANG	0	0	0	2,032	10	4	4	130	2,180
TERENGGANU	0	0	18	2,041	466	9	0	117	2,651
KELANTAN	0	0	89	3,390	1,852	4	13	123	5,471
SABAH	0	74	487	7,112	24	30	0	161	7,888
SARAWAK	0	0	258	8,829	4	49	3	394	9,537
LABUAN	0	0	0	461	0	2	0	73	536
PUTRAJAYA	0	0	2	904	0	3	0	17	926
IBU PEJABAT	8	1,736	4,205	0	0	0	0	18,020	23,969
JUMLAH	8	1,881	5,789	57,193	2,398	225	342	20,187	88,023
JUMLAH OPERASI	8	7,670	57,193	2,398	225	342	20,187	88,023	

Bilangan Operasi Harian Mengikut Negeri

Selangor (3) Johor (1) Sarawak (3) Pahang (2) Sabah (2) Perak (1)	Melaka (6) P. Pinang (6) Terengganu (1) Kedah (1) Putrajaya (4)
Ibu Pejabat (1)	Ibu Pejabat (27)


PETUNJUK KATEGORI

- HADR**
Humanitarian Assistance Disaster Relief
- PEMINDAHAN MANGSA**
Operasi pemindahan PIJU/PIUS di KLIA, PKRC dan mana-mana tempat menggunakan logistik dan pegawai JBPM
- DISINFEKSI BANGUNAN**
Disinfeksi Bangunan
- PENGURUSAN JENAZAH**
Membantu dalam urusan pengebumian jenazah
- PEMERIKSAAN KESELAMATAN**
Pemeriksaan Keselamatan Kebakaran Stesen Kuarantin
- BERTUGAS DI PPV**
Bertugas di Pusat Pemberian Vaksin
- LAIN-LAIN TUGASAN**
Lain-lain tugasan yang berkait COVID-19

17

Laporan Sanitasi Awam yang dilaksanakan oleh JBPM (sehingga 31 Disember 2021)

- 57,193 sanitasi awam
- 25,587 premis
- 157 zon PKD daripada keseluruhan 159 zon telah dilaksanakan




Simbolik daripada Ops COVID-19 tahun 2021:

- JBPM terus utuh menjadi agensi peneraju kepada program sanitasi awam.
- Peningkatan lebih lima (5) kali ganda operasi COVID-19 daripada 17,585 operasi pada tahun 2020 kepada 88,023 operasi pada tahun 2021 jelas menunjukkan keyakinan masyarakat dan percaya kepada kemampuan JBPM melaksanakan tugasan.
- Bentuk cabaran yang terpaksa dihadapi dalam mematuhi norma baharu:
 - Seramai 7,200 orang pegawai dan kakitangan JBPM telah dijangkiti COVID-19, dengan 1,776 orang daripadanya didapati positif dan dua (2) orang pegawai meninggal dunia akibat COVID-19.

Imunisasi 2021

- Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan yang bermula pada 24 Februari 2021 sedikit sebanyak telah menaikkan imej Jabatan apabila JBPM telah diiktiraf sebagai petugas barisan hadapan dan disenaraikan sebagai penerima suntikan vaksin fasa pertama program berkenaan.
- Sehingga 31 Disember 2021, sejumlah 99% warga JBPM telah menerima dua dos suntikan vaksin.
- Warga JBPM yang masih belum menerima suntikan vaksin telah dikenalpasti sebagai mereka yang tidak layak untuk menerima dos suntikan berkenaan atas faktor masalah kesihatan.



1.3 PENGLIBATAN JBPM DALAM OPERASI KUARANTIN PERSON UNDER SURVEILLANCE (PUS) DI PINTU MASUK KUALA LUMPUR INTERNATIONAL AIRPORT (KLIA)

- i. Bermula 5 Ogos 2020 hingga 23 September 2021 Jabatan telah diberi tanggungjawab oleh Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) dalam ibat urus bagi kawalan sempadan khususnya kawalan kemasukan melalui pintu antarabangsa di KLIA dan KLIA2 bagi mengekang penularan pandemik COVID-19.
- ii. JBPM telah dipertanggungjawabkan untuk menyediakan kemudahan pengangkutan dan juga sanitasi melalui pintu masuk KLIA ke pusat kuarantin yang telah ditetapkan.
- iii. Di antara tugas-tugas utama JBPM di KLIA adalah seperti berikut:
 - a. Membawa *Person Under Surveillance* (PUS) ke pusat kuarantin;
 - b. Menguruskan sanitasi bagi PUS yang tiba di KLIA dan sanitasi kenderaan; dan
 - c. Menyediakan Pasukan EMRS bagi membantu menghantar *Patient Under Investigation* (PUI) ke hospital yang telah ditetapkan.
- iv. Antara penugasan di KLIA yang berprofil tinggi adalah penerimaan dan sanitasi khas peralatan atlet negara yang pulang dari Sukan Olimpik dan Paralimpik Tokyo 2021.
- v. Penglibatan jabatan dalam Operasi Kuarantin *Person Under Surveillance* (PUS) di pintu masuk Kuala Lumpur International Airport (KLIA) ditamatkan tepat jam 1200 tengah malam 23 September 2021. Selepas 23 September 2021 operasi ini akan diambil alih sepenuhnya oleh Malaysia Airport Holding Berhad (MAHB).
- vi. Penglibatan Jabatan dalam operasi ini akan kekal dalam lipatan sejarah, dimana Jabatan diiktiraf sebagai *frontliner* bersama-sama agensi yang lain mengawal pintu masuk utama negara dalam usaha mengekang penularan COVID-19.



1.4 PENGLIBATAN JBPM DALAM PKRC 2.0

- i. Pada tahun 2021, penglibatan Jabatan di dalam pengoperasian Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Bersepadu (PKRC) MAEPS 2.0 terus utuh sebagai agensi sokongan yang memberikan bantuan teknikal, kepakaran, logistik, aset dan sumber manusia.
- ii. Jabatan juga telah diberi tanggungjawab sebagai Penyelaras Jawatankuasa Pengangkutan.
- iii. Antara peranan dan tanggungjawab Jabatan dalam PKRC MAEPS 2.0 ini adalah:
 - a. mengetuai dan menyelaras keperluan pengangkutan di antara agensi serta jabatan;
 - b. mengurus pengangkutan bagi petugas PKRC dengan memastikan semua petugas yang bertugas mengikuti syif sampai ke lokasi masing-masing dan yang selesai tugas pulang ke hotel penginapan. Ini adalah cabaran bagi jawatankuasa ini bagi memastikan kesinambungan pengoperasian PKRC 2.0 dapat diteruskan di setiap Hall atau Post di mana seseorang petugas itu ditempatkan kerana terdapat lebih dari 1000 orang staf yang bertugas di PKRC 2.0. Ia termasuk pergerakan di dalam PKRC iaitu dari Hall ke Hall; dan
 - c. Menyelaras pengangkutan bagi pesakit dari Institut Latihan KKM/ Depoh Tahanan Imigresen/ Pusat Kesihatan Daerah atau mana-mana lokasi tapak binaan/ industri/ kluster berkaitan terutamanya di sekitar Lembah Klang.
- iv. Jabatan juga menempatkan Pasukan EMRS (Emergency Medical Rescue Service) bagi membantu KKM memindahkan pesakit dari PKRC 2.0 MAEPS ke fasiliti kesihatan seperti Hospital Serdang, Hospital Sungai Buloh dan Hospital Kuala Lumpur bagi pesakit yang memerlukan rawatan lanjut di hospital.
- v. Pasukan HAZMAT juga memainkan peranan penting dalam penglibatan PKRC MAEPS 2.0 ini apabila ditugaskan bagi melaksanakan kerja-kerja dekontaminasi pada bas, ambulan dan kenderaan yang membawa pesakit COVID-19 yang positif. Pasukan HAZMAT ini juga akan bersama Jawatankuasa Tugas-Tugas Khas ATM bagi melakukan disinfeksi dan sanitasi kawasan atas permohonan KKM seperti di Hall-Hall.

- vi. Jabatan juga bertanggungjawab dalam Pemeriksaan Keselamatan Kebakaran di setiap Hall sebelum iaanya beroperasi. Pemeriksaan berkala setiap bulan turut dilaksanakan bagi memastikan aspek pepasangan keselamatan kebakaran sentiasa dipatuhi.
- vii. Selain itu, Jabatan juga memberikan khidmat nasihat dan kepakaran berkait rapat aspek keselamatan kebakaran bagi mematuhi peraturan-peraturan atau prosedur yang telah ditetapkan dan sentiasa berkerjasama dengan agensi lain yang bertanggungjawab seperti Jabatan Kerja Raya (JKR) dan pihak Pengurusan MAEPS. JBPM bersama Jawatankuasa Tugas-Tugas Khas yang diterajui ATM melaksanakan latihan simulasi kebakaran atau fire drill.
- viii. Selain itu, JBPM bertanggungjawab sebagai first responder jika berlaku sebarang insiden kecemasan seperti kebakaran atau rusuhan. Mereka akan memberi bantuan dan tindakbalas awal sebelum kehadiran Pasukan Bomba dari Balai Bomba yang berhampiran.
- ix. Malah, anggota JBPM juga ditempatkan di Hall DG bagi penugasan Non-Clinical, iaitu membantu staff kesihatan dalam aspek pentadbiran, penjagaan pesakit, pengurusan admission dan discharge pesakit.
- x. Bermula 9 Disember 2020 sehingga 11 Januari 2022 statistik operasi melibatkan pengangkutan petugas adalah sebanyak 16,367 trip, pemindahan pesakit sebanyak 7,132 trip, disinfeksi kawasan sebanyak 521 kali, dekontaminasi kenderaan sebanyak 28,397 buah kenderaan, pemindahan pesakit code blue EMRS 2,380 trip, pemeriksaan keselamatan kebakaran sebanyak 9 kali dan lain-lain tugas (pemindahan peralatan, penghantaran sampel COVID-19) adalah sebanyak 247.
- xi. Sepanjang penugasan di PKRC MAEPS 2.0, Jabatan terus dan sentiasa memberikan komitmen yang tinggi bagi setiap penugasan yang diamanahkan.

1.5 UNIT PENGESAN (K9)

- i. Pada tahun 2021 unit ini telah menghadiri sebanyak 271 kes operasi yang melibatkan bantuan khidmat penyiasatan kebakaran serta operasi mencari dan menyelamat di seluruh Malaysia.
- ii. Terdapat peningkatan sebanyak 72 panggilan berbanding tahun 2020 (199 panggilan).
- iii. Operasi mencari dan menyelamat mangsa lemas meningkat sebanyak 17 panggilan operasi atas faktor musibah banjir yang telah membadi negara pada tahun 2021.
- iv. Beberapa kejayaan unit ini pada tahun lalu antaranya ialah:
 - a. Operasi siasatan kebakaran di Blok F, Lorong 7, Taman Suria Jaya, Jalan Matang Sarawak. Kebakaran melibatkan 14 unit rumah flat 4 tingkat jenis kekal dan 7 buah motorsikal. Unit Pengesan (K9) berjaya mengesan bahan bakar.



- b. Operasi siasatan kebakaran 19 buah kenderaan di IPD Serdang Bandar Kinrara, Selangor. Unit Pengesan (K9) berjaya mengesan bahan bakar.



- c. Operasi mencari dan menyelamat mangsa tertimbus di Bobby Eco Farm Bukit Tinggi, Bentong, Pahang, ekoran kepala air yang meranapkan chalet. Unit Pengesan (K9) berjaya mengesan mangsa kedua yang merupakan seorang wanita.



- d. Operasi mencari dan menyelamat mangsa lemas yang tergelincir ke dalam sungai di Jeram 7, Air Putih, Cheneh, Terengganu. Unit Pengesan (K9) berjaya mengesan mangsa.



1.6 PERTAMBAHAN LIMA (5) BUAH BALAI BOMBA BAHRU

- i. Pada tahun 2021, sebanyak 5 buah balai bomba telah beroperasi menjadikan jumlah keseluruhan balai yang telah beroperasi adalah sebanyak 324 buah balai bomba di seluruh negara.
- ii. Balai bomba yang telah beroperasi adalah:
 - a. Kampung Gajah, Perak (4 Januari 2021)



- b. Presint 14, Putrajaya (1 Februari 2021)



- c. Kempas, Johor (1 April 2021)



- d. Belaga, Sarawak (1 April 2021)





e. Sibu Jaya, Sarawak (10 April 2021)



2.0 OPERASI BESAR TAHUN 2021

2.1 OPERASI SAR KEJADIAN TANAH RUNTUH AKIBAT BANJIR KILAT TITI HAYUN, YAN KEDAH

- i. Pada 18 Ogos 2021, telah berlaku suatu kejadian banjir kilat di kawasan berhampiran Titi Hayun, Air Terjun Tupah, Merbok dan tanah runtuhan di KM8, Jalan Gunung Jerai.
- ii. Kejadian yang berlaku di ketiga-tiga lokasi ini mempunyai kaitan antara satu sama lain kerana kesemua kes tersebut berpuncanya dari limpahan air daripada puncak Gunung Jerai yang disebabkan hujan lebat.
- iii. Dalam 3 insiden tersebut Jabatan telah berjaya menyelamatkan 45 mangsa iaitu 43 tidak cedera dan 2 cedera, manakala berjaya menjumpai kesemua 6 orang mangsa yang telah meninggal dunia.
- iv. Keseluruhan operasi mengambil masa selama 6 hari melibatkan 430 anggota dari 12 agensi dan jabatan termasuk JBPM.
- v. Operasi ini dilihat sebagai suatu kejayaan apabila berjaya menemui kesemua mangsa dalam tempoh 6 hari dengan pengoperasian ini banyak dibantu oleh pasukan khas Jabatan iaitu pasukan khas MUST, STORM, PPDA, EMRS dan Unit Pengesan K9.



2.2 OPERASI SAR KEJADIAN TANAH RUNTUH JALAN SIMPANG PULAI-CAMERON HIGHLAND, PERAK

- i. Pada 2 Disember 2021, satu kejadian tanah runtuhan dilaporkan berlaku di Seksyen 27 hingga Seksyen 30, Jalan Simpang Pulai-Cameron Highlands.
- ii. Laporan peringkat awal didapati terdapat kenderaan yang terperangkap pada sisa runtuh tanah.
- iii. Dengan bantuan Pasukan STORM dan Unit Pengesan K9, Jabatan telah berjaya mengenal pasti dua buah kenderaan telah tertimbas iaitu sebuah MPV dan sebuah lori.
- iv. Operasi SAR yang dijalankan telah berjaya menemui dan membawa keluar 2 mangsa yang tertimbas dan meninggal dunia (1 di dalam MPV dan 1 di dalam lori).
- v. Operasi ini merupakan satu kejayaan kepada jabatan apabila kes berkenaan berjaya diselesaikan dalam tempoh kurang 24 jam.



2.3 BANJIR 2021

- i. Bencana alam termasuk banjir besar yang melanda beberapa negeri sehingga meragut hampir 50 nyawa dan dua lagi dilaporkan hilang, mengakhiri tahun 2021 yang turut menyaksikan rakyat bersatu hati serta bangkit untuk saling membantu selari dengan semangat Keluarga Malaysia.
- ii. Sehingga 31 Disember 2021, seramai 1,741 pegawai dan 406 jentera bomba termasuk bot dari Balai Bomba dan Penyelamat seluruh Malaysia telah dikerah bagi operasi mencari dan menyelamat mangsa banjir di 232 lokasi melibatkan lapan buah negeri.
- iii. Secara keseluruhannya, Jabatan telah berjaya menyelamatkan 17,001 keluarga dan berjaya menemui 34 mangsa lemas pada Ops Banjir pada tahun 2021 (Sehingga 31 Disember 2021).
- iv. Jabatan juga telah menjalankan 3,145 pemantauan kawasan, 294 pemindahan dan bantuan logistik, 27 pemindahan pesakit melalui udara dan dalam masa yang sama telah menjalankan 120 sanitasi di pusat-pusat pemindahan sementara (PPS) banjir di seluruh negara.
- v. Dalam usaha menyelamatkan orang awam, seramai 354 pegawai dalam Jabatan turut menjadi mangsa banjir apabila rumah mereka turut dinaiki banjir.
- vi. Komitmen pegawai dalam menyelamat orang awam sehingga terpaksa mengenepikan urusan keluarga sendiri amatlah dihargai. Sikap yang tidak mementingkan diri dalam kalangan pegawai bomba seperti ini amat ditagih dan layak diberikan pujian.





PENCAPAIAN KESELAMATAN KEBAKARAN

PENCAPAIAN BAHAGIAN KESELAMATAN KEBAKARAN (BKK) JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA TAHUN 2021

CAWANGAN PERAKUAN KESELAMATAN BANGUNAN

Pemantauan Penyampaian Key Performance Indicator (KPI) Pelan Teknikal

- Bahagian Keselamatan Kebakaran JBPM komited melaksanakan perkhidmatan memproses pelan teknikal yang dikemukakan permohonan kepada jabatan iaitu Perakuan Pelan Arkitektural dan Pelan Mekanikal & Elektrikal selewat-lewatnya 14 hari dari tarikh permohonan lengkap diterima.
- Pencapaian Tahun 2021 merekodkan peningkatan iaitu jumlah permohonan yang dikemukakan kepada Bahagian Keselamatan Kebakaran (BKK) sebanyak 21,641.
- Tahun 2021 mencatatkan penurunan jumlah permohonan sebanyak 3,407. Secara keseluruhan, kesemua permohonan yang diterima dilaksanakan mengikut sasaran yang telah ditetapkan.
- Berikut adalah prestasi penyampaian Key Performance Indicator (KPI) keseluruhan tahun 2019 hingga 2021.

TAHUN	JUMLAH DILAKSANA MENGIKUT SASARAN	JUMLAH TIDAK MENCAPAI SASARAN	PENCAPAIAN (%)
2019	24,249	4	99.98
2020	20,615	0	100.00
2021	21,641	0	100.00

JUMLAH TUNGGAKAN URUSAN PERMOHONAN PENGETAHUIAN SURAT PERAKUAN BERPERINGKAT G8/G9/OP/OC SELURUH NEGARA SEHINGGA DIS 2021

Tahun	Jumlah Permohonan		
	Diterima	Dilulus	Ditolak
2019	4,790	4,358	432
2020	3,768	3,310	458
2021	3,407	3,008	399

Pencapaian tahun 2021 menunjukkan permohonan pengeluaran surat perakuan berperingkat G8/G9/OP/OC menurun berbanding tahun 2020 iaitu sebanyak 3,407. Jumlah permohonan yang dilulus juga berlaku penurunan iaitu sebanyak 3,008.

CAWANGAN PERAKUAN PELESENAN BANGUNAN

Perkara	Tahun		
	2019	2020	2021
Jumlah lesen diproses tahun semasa	35,186	28,652	27,224

Pada tahun 2021 sebanyak 27,224 permohonan sokongan pelesenan telah diterima dan diproses di seluruh negara berbanding tahun 2020 sebanyak 28,652 permohonan sokongan pelesenan. Berlaku penurunan jumlah permohonan sokongan sebanyak 4.98% jika dibandingkan dengan tahun 2019.

PELAKSANAAN PEMERIKSAAN ALAT PEMADAM API MUDAH ALIH (ELECTRONIC FIRE EXTINGUISHER INSPECTION SYSTEM – e-FEIS SELURUH NEGARA TAHUN 2021)

PERKARA	TAHUN 2019	TAHUN 2020	TAHUN 2021
BILANGAN ALAT PEMADAM API MUDAH ALIH (APA)	3,660,697	2,860,636	2,959,955
HASIL KUTIPAN (RM)	15,619,631	12,828,756	12,953,515

Bagi memastikan perkhidmatan yang cekap dan berkesan kepada pelanggan, JBPM telah membangunkan perlaksanaan pemeriksaan APA secara elektronik. Pelaksanaan sistem ini pada tahun 2021 mencatatkan sebanyak 2.9 juta APA didaftarkan. Peningkatan sebanyak (99,319 unit).

Jumlah hasil kutipan turut meningkat sebanyak RM 124,759 berbanding tahun 2020.

Jumlah terkumpul kontraktor berdaftar dengan e-FEIS di seluruh negara sehingga tahun 2020 adalah seperti berikut:-

PERKARA	TAHUN 2019	TAHUN 2020	TAHUN 2021
Kontraktor	666	623	616
Competent Person	576	719	712

Penurunan kepada bilangan kontraktor berdaftar dan competent person pada tahun 2021 berbanding dengan tahun 2020. Penurunan seramai 7 orang.

**PENCAPAIAN PELAKSANAAN MENGHAPUSKAN BAHAYA KEBAKARAN
BAGI TAHUN 2021 DI SELURUH NEGARA**

Pencapaian pelaksanaan Menghapuskan Bahaya Kebakaran sehingga Disember 2021, jumlah premis yang telah diperiksa adalah sebanyak 9,672 premis dan sebanyak 11,902 notis menghapuskan bahaya kebakaran (Borang A) telah dikeluarkan bagi pelbagai bahaya kebakaran kepada 2,141 premis seperti ditunjukan dalam Jadual 1 di bawah;

Jadual 1: Pelaksanaan pemeriksaan menghapuskan bahaya kebakaran Tahun 2021

PERKARA	TAHUN		
	2019	2020	2021
Jumlah Premis diperiksa	16,596	12,875	9,672
Jumlah premis dikeluarkan Notis MBK	1,314	1,645	2,141
Jumlah notis dikeluarkan	11,225	12,554	11,902

Pecahan bahaya kebakaran yang ditemui semasa pemeriksaan menghapuskan bahaya kebakaran sepetimana seksyen 2 tafsiran bahaya kebakaran, Akta Perkhidmatan Bomba 1988(Akta 341) seperti ditunjukkan dalam Jadual 2 di bawah;

Jadual 2: Bahaya Kebakaran yang ditemui

TAFSIRAN BAHAYA KEBAKARAN SEK. 2	PERKARA	JUMLAH BIL. BAHAYA KEBAKARAN
a	Pengubahan pada mana-mana bangunan yang memungkinkan pelepasan diri menjadi lebih sukar atau kurang mudah	151
b	Kesesakan tempat hiburan atau perhimpunan awam memungkinkan pelepasan diri menjadi lebih sukar	146
c	Apa-apa pengalihan atau tidak terdapat kelengkapan menentang kebakaran atau pepasangan keselamatan kebakaran	3758
d	Kelengkapan menentang kebakaran atau pepasangan keselamatan kebakaran tidak berada dalam keadaan baik	6943
e	Jalan keluar yang tidak mencukupi	289
f	Apa-apa perkara atau hal keadaan pada materialnya yang meningkatkan bahaya kepada nyawa atau mengganggu Jabatan Bomba dan Penyelamat dalam menjalankan tugas	615
JUMLAH		11,902

Selain daripada itu, sebanyak 3,564 notis telah diperiksa semula dalam tempoh 14 hari selepas tamat tempoh notis dan sebanyak 344 notis diperiksa semula melebihi tempoh 14 hari selepas tamat tempoh notis seperti ditunjukkan dalam jadual 3 di bawah;

Jadual 3: Pemeriksaan semula berdasarkan notis bagi Tahun 2020

PERKARA	TAHUN		
	2019	2020	2021
Jumlah notis diperiksa dalam tempoh 14 hari selepas tamat tempoh notis	3,677	1,961	3,564
Jumlah notis diperiksa selepas 14 hari tamat tempoh notis	123	319	344

Manakala pemeriksaan bahaya kebakaran berdasarkan aduan awam, sejumlah 323 kes telah diterima yang melibatkan pemeriksaan sebanyak 323 premis dan hanya 180 kes aduan telah diselesaikan. Hasil pemeriksaan tersebut, sebanyak 561 notis menghapuskan bahaya kebakaran telah dikeluarkan seperti ditunjukkan dalam Jadual 4 di bawah;

Jadual 4: Pemeriksaan berdasarkan aduan bahaya kebakaran bagi Tahun 2021

PERKARA	TAHUN		
	2019	2020	2021
Bilangan aduan	86	72	323
Bilangan pemeriksaan dijalankan	86	69	323
Bilangan notis dikeluarkan	471	988	561
Bilangan kes diselesaikan	69	52	180

PENCAPAIAN PELAKSANAAN PERAKUAN BOMBA BAGI TAHUN 2021 DI SELURUH NEGARA

Berdasarkan statistik keseluruhan 2021, jumlah premis ditetapkan di seluruh negara adalah sebanyak 8,328 premis, manakala jumlah premis ditetapkan yang mempunyai Perakuan Bomba yang berkuatkuasa adalah sebanyak 5,347 premis dan sebanyak 2,527 premis tidak mempunyai Perakuan Bomba Berkuatkuasa adalah seperti ditunjukkan dalam Jadual 1 di bawah;

Jadual 1 : Pencapaian Perakuan Bomba bagi Tahun 2021

PERKARA	TAHUN		
	2019	2020	2021
Jumlah Premis Ditetapkan	9,158	6,485	8,328
Mempunyai Perakuan Bomba Yang Berkuatkuasa	5,544	5,708	5,347
Perakuan Bomba di dalam proses	2,940	777	2,527

Setakat ini, permohonan Perakuan Bomba yang diterima sebanyak 5,267 yang melibatkan pemeriksaan sebanyak 5,586 dan jumlah Sijil Perakuan Bomba dikeluarkan sebanyak 5,542 dengan jumlah kutipan Amaun Fi sebanyak RM 1,566,061.00 adalah seperti ditunjukkan dalam Jadual 2 di bawah ;

Jadual 2 : Pelaksanaan Perakuan Bomba bagi Tahun 2021

PERKARA	TAHUN		
	2019	2020	2021
Bilangan Pemohonan	5,621	5,870	5,267
Bilangan Pemeriksaan Premis	5,997	5,870	5,586
Bilangan Perakuan Bomba Dikeluarkan	5,544	5,708	5,542
Amaun Fi Perakuan Bomba (RM)	1,158,520.00	1,180,471.00	1,566,061.00

Manakala hasil daripada pemeriksaan, sebanyak 2,062 notis memberitahu keperluan yang perlu dipatuhi (Borang FC6) telah dikeluarkan supaya pihak premis memastikan Pepasan Keselamatan Kebakaran atau Kelengkapan Menentang Kebakaran berada dalam keadaan baik dan sebanyak 417 laporan kesalahan berkenaan Perakuan Bomba untuk penyediaan kertas siasatan (Borang FC7) telah dimajukan ke Bahagian Penyiasatan Kebakaran untuk prosiding perundangan selanjutnya seperti ditunjukkan dalam Jadual 3 di bawah ;

Jadual 3 : Penemuan pemeriksaan bagi Tahun 2021

PERKARA	TAHUN		
	2019	2020	2021
Notis memberitahu keperluan yang perlu dipatuhi (Borang FC6)	1,381	3,362	2,062
Laporan kesalahan berkenaan Perakuan Bomba untuk penyediaan kertas siasatan (Borang FC7)	191	1,216	417



CAWANGAN PROGRAM KESEDARAN KESELAMATAN AWAM BAHAGIAN KESELAMATAN KEBAKARAN JBPM

STATISTIK PENCAPAIAN TAHUN 2021

Pada tahun 2021, kempen keselamatan kebakaran telah dipergiatkan bagi mempertingkatkan kesedaran dan budaya keselamatan dan pencegahan kebakaran di kalangan masyarakat. Penyampaian maklumat kepada masyarakat berkaitan keselamatan kebakaran terus diperluaskan lagi menerusi kempen-kempen yang dijalankan.

1. Kempen Keselamatan Kebakaran

TAHUN	CERAMAH		DEMONSTRASI		PAMERAN		PENGUNGSIAN BANGUNAN		MOCK DRILL	
	BA	BP	BA	BP	BA	BP	BA	BP	BA	BP
2019	5,534	974,289	4,872	949,709	2,143	387,693	3,737	777,962	249	74,033
2020	2,813	340,190	2,515	326,037	949	136,939	1,160	243,533	96	22,159
2021	870	60,801	490	28,827	184	18,097	224	13,539	30	2,248

Jadual 1: Kempen Kempen Keselamatan Kebakaran Tahun 2019 hingga 2021
(BA: Bilangan Aktiviti , BP: Bilangan Peserta)

Aktiviti ceramah telah diadakan di seluruh negara bagi menyampaikan maklumat berkaitan aspek keselamatan kebakaran. Antara kumpulan sasaran ialah penghuni rumah, pekerja pejabat dan kilang, pelajar sekolah dan institusi pengajian tinggi serta masyarakat keseluruhannya. Sebanyak 870 kali ceramah telah dijalankan dengan penyertaan seramai 60,801 orang. Di samping itu, demonstrasi kebombaan turut diadakan sebanyak 490 kali dengan penyertaan seramai 28,827 orang.

Pada tahun 2021 pameran keselamatan kebakaran di seluruh negara yang melibatkan peringkat kebangsaan, peringkat negeri dan peringkat zon pula telah diadakan sebanyak 184 pameran dengan penyertaan seramai 18,097 orang.

Aktiviti pengungsian bangunan yang bertujuan memberi pengetahuan dan kemahiran kepada penghuni bangunan untuk bertindak sekiranya berlaku kebakaran/kecemasan dengan membuat pengungsian dan pelepasan diri. Aktiviti latihan pengungsian bangunan telah dilaksanakan sebanyak 224 kali dengan penyertaan seramai 13,539 orang peserta.

Mock drill adalah latihan kebakaran/kecemasan yang melibatkan penghuni bangunan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dan agensi berkaitan. Pada tahun 2021 latihan ini telah dilaksanakan sebanyak 30 kali dengan penyertaan seramai 2,248 orang.

2. Kelab Keselamatan Kebakaran Kanak-Kanak (Kelab 3K)

TAHUN	PASUKAN	AHLI	CERAMAH		AKTIVITI	
			BILANGAN CERAMAH	BILANGAN PESERTA	BILANGAN LATIHAN	BILANGAN PESERTA
2019	9,384	183,994	1,324	51,269	1,109	40,167
2020	10,894	198,107	1,451	60,012	1,196	49,186
2021	1,043	32,165	121	3,939	52	1,851

Jadual 2: Aktiviti Kelab Keselamatan Kebakaran Kanak-Kanak (Kelab 3K)
Tahun 2019 hingga 2021

Pada tahun 2021 sebanyak 1,043 pasukan telah ditubuhkan dengan keahlian seramai 32,165 orang. Ahli Kelab 3K ini terdiri daripada kanak-kanak pra-sekolah (tadika/taska) dan telah mengikuti ceramah serta aktiviti latihan “Berhenti, Rebah dan Guling (*Stop, Drop and Roll*)” dan lain-lain asas keselamatan kebakaran dan pelepasan diri.

3. Aktiviti Pasukan Tindakan Kecemasan (ERT)

TAHUN	AKTIVITI PASUKAN TINDAKAN KECEMASAN (ERT)						
	PASUKAN	AHLI	CERAMAH		AKTIVITI		BILANGAN PESERTA
			BILANGAN CERAMAH	BILANGAN PESERTA	BILANGAN LATIHAN		
2019	2,621	59,484	949	18,192	1,126	18,466	
2020	2,964	57,390	597	16,463	1,094	19,070	
2021	187	3,782	125	2,836	116	2,472	

Jadual 3: Aktiviti Pasukan Tindakan Kecemasan (ERT) Tahun 2019 hingga 2021

Aktiviti pasukan Tindakan Kecemasan (ERT) pada tahun 2021 adalah sebanyak 187 pasukan dengan keahlian seramai 3,782 orang.

4. Aktiviti Bomba Komuniti

TAHUN	PASUKAN BOMBA KOMUNITI	AHLI PASUKAN BOMBA KOMUNITI
2016-2021	2,479	30,902

Jadual 4: Aktiviti Bomba Komuniti sehingga tahun 2021

Aktiviti Bomba Komuniti pada tahun 2021 adalah sebanyak 2,479 pasukan dengan keahlian seramai 30,902 orang.



PENCAPAIAN PENYIASATAN KEBAKARAN

PENCAPAIAN BAHAGIAN PENYIASATAN KEBAKARAN

Sepanjang tahun 2021, Bahagian Penyiasatan Kebakaran merekodkan sebanyak 10,427 kes kebakaran melibatkan struktur dan kenderaan di seluruh negara berbanding pada tahun 2021 sebanyak 10,152 kes kebakaran dengan penambahan sebanyak 275 kes. Bahagian Penyiasatan Kebakaran juga telah berjaya mencatatkan kadar pengenalpastian punca kebakaran sebanyak 99.96% dengan hanya 4 kes sahaja yang tidak dapat dipastikan punca kebakaran. Pengalaman dan ilmu pengetahuan yang luas dalam bidang penyiasatan kebakaran telah membantu dan memberi impak positif kepada Jabatan dalam usaha mengurangkan bilangan kes kebakaran yang tidak dapat dipastikan puncanya.

Bagi memastikan kualiti dan hasil kerja siasatan kebakaran dapat ditingkatkan, Jabatan merangka penambahbaikan *Standard Operating Procedures* (SOP) yang menyeluruh bagi kerja-kerja penyiasatan kebakaran. Peningkatan kes-kes kebakaran khususnya yang melibatkan jenayah merupakan cabaran yang besar kepada pegawai forensik kebakaran memandangkan semakin banyak kes mahkamah memerlukan *expert opinion* dan *evidence fact* dalam pembuktian sesuatu kejadian. Justeru itu, jabatan mengambil langkah proaktif mengkaji dan meneliti dari aspek teknikal bagi memastikan kes yang disiasat dapat dibuktikan secara saintifik dan sistematis. Pemeliharaan keselamatan dan integriti bahan bukti diutamakan bagi meningkatkan kewajaran penemuan dan pembuktian sesuatu siasatan.

Dalam melengkapkan sesuatu penyiasatan kebakaran, keputusan ujian dari makmal adalah amat penting terutama dalam menentukan punca kebakaran. Atas dasar ini satu Manual Kualiti dan *Standard Operating Procedure* (SOP) Makmal Penyiasatan Kebakaran (MPK) JBPM telah dikeluarkan dan digunakan di 9 buah Makmal Penyiasatan Kebakaran di Malaysia. Selain itu, jabatan juga dalam proses mendapatkan pengiktirafan akreditasi Makmal Penyiasatan Kebakaran di bawah Skim Akreditasi Makmal Malaysia (SAMM) MS ISO/ IEC 17025:2015 daripada Jabatan Standard Negara.


Aktiviti Pendakwaan turut semakin rancak dengan peningkatan jumlah Kertas Siasatan (IP) Pendakwaan yang dibuka dan kejayaan kes Pendakwaan pelanggaran Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341) yang dibawa ke Mahkamah iaitu sebanyak 113 kes yang telah menyumbang kutipan denda sebanyak RM 493,670 bagi tahun 2021. Terdapat peningkatan jumlah kes yang dibawa ke mahkamah berbanding pada tahun 2020 iaitu sebanyak 93 kes dengan jumlah kutipan sebanyak RM 486,900. Jumlah kutipan Pendakwaan yang dibawa ke mahkamah bagi tahun 2021 mempunyai peningkatan berbanding kutipan pada tahun 2020. Peningkatan ini menggambarkan kredibiliti dan kompetensi Pegawai Penyiasat (IO) dan Pegawai Pendakwa (PO) Jabatan yang semakin agresif membuktikan kesalahan yang dilakukan oleh premis-premis yang gagal mematuhi kehendak dan keperluan undang-undang.

Bagi aktiviti pengkompaunan kesalahan pula, sebanyak 1,082 notis tawaran pengkompaunan kesalahan telah dikeluarkan sepanjang tahun 2021 dengan kutipan sebanyak RM44,260.00. Peningkatan jumlah notis kompaun yang dikeluarkan menunjukkan kesungguhan dan komitmen pegawai-pegawai Jabatan di seluruh negara dalam penguatkuasaan undang-undang walaupun terpaksa melaksanakannya dalam situasi norma baharu. Aktiviti pemeriksaan dan pengkompaunan kesalahan bagi kes pelanggaran Akta Perkhidmatan Bomba semakin giat dikuatkuaskan di seluruh negara.

Bahagian Penyiasatan Kebakaran melalui Cawangan Perundangan Kebombaan telah berjaya meminda dan memuktamadkan Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Bomba (Fi Tugas Khas).

ANALISIS STATISTIK BAHAGIAN PENYIASATAN KEBAKARAN

STATISTIK KES KEBAKARAN STRUKTUR DAN KENDERAAN BAGI TAHUN 2020 DAN 2021



STATISTIK PUNCA KEBAKARAN STRUKTUR BAGI TAHUN 2020 DAN 2021

BIL.	PUNCA KEBAKARAN	2020		2021	
		BIL.	%	BIL.	%
1	Semulajadi	55	0.80	69	0.92
2	Kemalangan	6,615	95.73	7,180	96.03
3	Sengaja Dibakar	240	3.47	225	3.01
4	Tidak Dapat Dipastikan	0	0.00	3	0.04
JUMLAH		6,910	100	7,477	100

Pada tahun 2021 sebanyak 7,477 kes kebakaran struktur telah disiasat oleh Bahagian Penyiasatan Kebakaran Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Jumlah penyiasatan kebakaran struktur bagi tahun 2021 menunjukkan peningkatan sebanyak 567 kes jika dibandingkan dengan tahun 2020 iaitu sebanyak 6,910 kes kebakaran struktur. Bagi kes kebakaran struktur pada tahun 2021, sebanyak 7,180 kes atau 96.03% kebakaran berlaku adalah berpunca daripada kemalangan, 225 kes atau 3.01% berpunca daripada sengaja dibakar, 69 kes atau 0.92% berpunca daripada semulajadi dan 3 kes atau 0.04% yang puncanya tidak dapat dipastikan di sepanjang tahun 2021. Ini menunjukkan bilangan penyiasatan kebakaran struktur meningkat dan punca kebakaran berpunca dari kemalangan menunjukkan punca yang terbesar dalam penyiasatan kebakaran struktur.

**STATISTIK PENYIASATAN KEBAKARAN STRUKTUR MENGIKUT PREMIS
BAGI TAHUN 2020 DAN 2021**


BIL.	PUNCA KEBAKARAN	2020		2021	
		BIL.	%	BIL.	%
1	Kediaman	3,811	55.15	4,177	55.86
2	Hotel/Pangsapuri/ Kondominium	636	9.20	545	7.29
3	Asrama/Hostel	50	0.72	33	0.44
4	Sekolah	95	1.37	71	0.95
5	Institusi Pengajian Tinggi	13	0.19	18	0.24
6	Hospital / Klinik	61	0.88	62	0.83
7	Pejabat	191	2.76	199	2.66
8	Kedai	871	12.60	804	10.75
9	Pusat Membeli Belah	47	0.68	21	0.28
10	Dewan Perhimpunan	38	0.55	36	0.48
11	Stor/Gudang	264	3.82	273	3.65
12	Kilang	467	6.76	408	5.46
13	Stesen Minyak	8	0.12	12	0.16
14	Struktur Khas	115	1.66	87	1.16
15	Lain-Lain Bangunan	243	3.52	731	9.78
JUMLAH		6,910	100	7,477	100

Pada tahun 2021 statistik penyiasatan kebakaran yang direkodkan di seluruh Malaysia menunjukkan rumah kediaman mencatatkan bilangan kes yang tertinggi iaitu sebanyak 4,177 kes kebakaran berbanding dengan jenis premis yang lain. Bagi tahun 2021 catatan bilangan kes kebakaran struktur mengikut jenis premis berdasarkan kepada kedudukan yang tertinggi adalah seperti berikut:

Kediaman	=	4,177 kes atau 55.86%
Kedai	=	804 kes atau 10.75%
Lain-Lain Bangunan	=	731 kes atau 9.78%
Hotel/Pangsapuri/Kondominium	=	545 kes atau 7.29%
Stor / Gudang	=	273 kes atau 3.65%

Bilangan kes kebakaran struktur mengikut jenis premis bagi dua (2) tahun yang direkodkan jelas menunjukkan bahawa jenis rumah kediaman mencatatkan angka bilangan kes yang tertinggi iaitu sebanyak 4,177 kes pada tahun 2021 dan sebanyak 3,811 kes pada tahun 2020 dan menunjukkan peningkatan kes kebakaran struktur jenis premis kediaman iaitu sebanyak 366 kes kebakaran.

**STATISTIK PENYIASATAN KEBAKARAN STRUKTUR
MENGIKUT PREMIS BAGI TAHUN 2020 DAN 2021**




Rajah di sebelah menunjukkan terdapat trend peningkatan bilangan kebakaran kebakaran struktur yang disiasat mengikut jenis premis dari tahun 2019 dan 2020.


**STATISTIK PENYIASATAN KEBAKARAN MENGIKUT SUMBER NYALAAAN UNTUK
KEBAKARAN STRUKTUR BAGI TAHUN 2020 DAN 2021**

BIL.	SUMBER NYALAAAN	2020		2021	
		BIL.	%	BIL.	%
1	Mancis/ <i>Lighter</i>	494	7.15	525	7.02
2	Pelita/Lilin /Obor	167	2.42	199	2.66
3	Objek Permukaan/Panas/Kimpalan	189	2.74	180	2.41
4	Geseran/ Hentaman	43	0.62	38	0.51
5	Tindakbalas Kimia	8	0.12	10	0.13
6	Peralatan Gas	1,225	17.73	1,328	17.76
7A	Arcs	1,009	14.60	964	12.89
7B	<i>Sparks/ Short Circuit</i>	1,035	14.98	1,110	14.85
7C	<i>Overcurrent/ Overload</i>	294	4.25	243	3.25
7D	<i>Resistance Heating</i>	1,918	27.76	2,241	29.97
	Elektrik	4,256	61.59	4,558	60.96
8	Api Berbara	441	6.38	519	6.94
9	Bunga Api/ Mercun	8	0.12	28	0.37
10	Kilat	43	0.62	61	0.82
11	Kebakaran Spontan	12	0.17	8	0.11
12	Letupan	13	0.19	8	0.11
13	Lain-lain	11	0.16	12	0.16
14	Tidak Dapat Dipastikan	0	0.00	3	0.04
JUMLAH		6,910	100	7,477	100


Statistik penyiasatan berkaitan sumber nyalaan kebakaran struktur menunjukkan elektrik adalah sumber nyalaan yang paling tinggi menyebabkan berlakunya kebakaran iaitu sebanyak 4,558 kes atau 60.96% pada tahun 2021. Butiran terperinci adalah seperti berikut:

ELEKTRIK



Elektrik = 4,558 atau 60.96%

ARCS



Arcs = 964 atau 12.89%

SPARKS / SHORT CIRCUIT


Sparks/Short Circuit = 1,110 atau 14.85%

OVERCURRENT / OVERLOAD


Overcurrent / Overload = 243 atau 3.25%

RESISTANCE HEATING


Resistance Heating = 2,241 atau 29.97%


Pada tahun 2021, jika dibuat perbandingan secara keseluruhannya terdapat peningkatan sebanyak 302 kes penyiasatan kebakaran yang melibatkan sumber nyalaan elektrik jika dibandingkan dengan tahun 2020.

**STATISTIK PENYIASATAN KEBAKARAN STRUKTUR DISEBABKAN
OLEH SUMBER NYALAAAN ELEKTRIK MENGIKUT JENIS PREMIS BAGI TAHUN 2020 DAN 2021**

BIL.	JENIS PREMIS	2020		2021	
		BIL.	%	BIL.	%
1	Kediaman	2,301	54.06	2,422	53.14
2	Hotel/Pangsapuri/ Kondominium	389	9.14	250	5.48
3	Asrama/Hostel	32	0.75	22	0.48
4	Sekolah	76	1.79	53	1.16
5	Institusi Pengajian Tinggi	10	0.23	12	0.26
6	Hospital / Klinik	54	1.27	51	1.12
7	Pejabat	150	3.52	157	3.44
8	Kedai	560	13.16	494	10.84
9	Pusat Membeli Belah	35	0.82	14	0.31
10	Dewan Perhimpunan	27	0.63	23	0.50
11	Stor/Gudang	126	2.96	143	3.14
12	Kilang	256	6.02	231	5.07
13	Stesen Minyak	6	0.14	8	0.18
14	Struktur Khas	97	2.28	72	1.58
15	Lain-Lain Bangunan	137	3.22	606	13.30
JUMLAH		4,256	100	4,558	100

Jenis premis rumah kediaman mencatatkan bilangan kes penyiasatan kebakaran yang disebabkan oleh sumber nyalaan elektrik adalah paling tinggi iaitu sebanyak 2,422 kes atau 53.14% pada tahun 2021 jika dibandingkan dengan semua jenis premis yang disenaraikan. Pada 2020 dan 2021 yang direkodkan didapati jumlah kes penyiasatan kebakaran struktur disebabkan sumber nyalaan elektrik telah mencatatkan peningkatan bilangan kes penyiasatan pada setiap tahun.

**STATISTIK PENYIASATAN KEBAKARAN STRUKTUR
DISEBABKAN OLEH SUMBER NYALAAAN ELEKTRIK
MENGIKUT JENIS PREMIS BAGI
TAHUN 2020 DAN 2021**



Rajah di atas menunjukkan perbandingan peningkatan bilangan kes penyiasatan kebakaran struktur mengikut jenis premis yang disebabkan oleh sumber nyalaan elektrik pada tahun 2020 dan 2021. Hal ini menunjukkan orang awam masih lagi tidak mengambil berat tentang keselamatan kebakaran yang disebabkan oleh elektrik samada dari segi sistem pendawaian elektrik dan keselamatan penggunaan peralatan elektrik. Oleh yang demikian, faktor-faktor berkaitan kegagalan sistem pendawaian elektrik haruslah dilihat dengan lebih serius. Adalah disarankan supaya langkah-langkah pencegahan seperti berikut diambil perhatian:

- i. Sistem pendawaian yang digunakan menepati piawaian ditetapkan dan diluluskan oleh pihak berkuasa yang bertanggungjawab.
- ii. Melakukan pemantauan secara berkala terhadap sistem pendawaian elektrik di rumah kediaman.
ANALISIS PERANGKAAN OPERASI UNIT PENGESAN (K9) JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA BAGI TAHUN 2021

BIL	NEGERI	JUMLAH KES	SIASATAN KEBAKARAN		MENCARI & MENYELAMAT	
			DIKESAN	TIDAK DIKESAN	DIKESAN	TIDAK DIKESAN
1	PERLIS	2				2
2	KEDAH	10	1	6	2	1
3	PULAU PINANG	10	2	7		1
4	PERAK	29	3	9		17
5	SELANGOR	56	14	33	1	8
6	W.P.KUALA LUMPUR	20	8	9		3
7	NEGERI SEMBILAN	18	5	10		3
8	MELAKA	4	1	3		
9	JOHOR	15	9	2		4
10	PAHANG	22	5	4	1	12
11	TERENGGANU	16	5	5	1	5
12	KELANTAN	6		2		4
13	SABAH	30	5	10		15
14	SARAWAK	31	8	12	2	9
15	W.P.LABUAN					
16	W.P.PUTRAJAYA	2	1	1		
JUMLAH		271	67	113	7	84

****NOTA :**

DIKESAN = Mengesahkan tiada bahan bakar wujud di kawasan kebakaran / Mengesahkan tiada mangsa.

TIDAK DIKESAN = Berjaya mengesan bahan bakar di kawasan kebakaran / Berjaya mengesan mangsa hidup atau mati (maya).

1. ANALISIS

- 1.1 Pada tahun 2021 unit ini telah menghadiri sebanyak 271 kes operasi yang melibatkan bantuan khidmat penyiasatan kebakaran serta operasi mencari dan menyelamat di seluruh Malaysia.
- 1.2 Bantuan khidmat penyiasatan kebakaran telah mencatatkan jumlah panggilan yang paling tinggi iaitu sebanyak 180 panggilan berbanding dengan operasi mencari dan menyelamat sebanyak 91 panggilan.
- 1.3 Daripada 180 panggilan khidmat bantuan penyiasatan kebakaran yang dihadiri oleh unit ini telah berjaya membantu Pasukan Penyiasatan Kebakaran (FIO) dalam menyelesaikan sebanyak 67 panggilan iaitu berjaya mengesan (menemui) bahan bukti manakala mengesahkan tidak ada bahan bakar dalam 113 panggilan.

- 1.4 Manakala sejumlah 91 panggilan bantuan operasi mencari dan menyelamat yang dihadiri oleh unit ini, 7 operasi telah berjaya mengesan (menemui) mangsa dan 60 operasi mengesahkan tiada penemuan mangsa.
- 1.5 Secara purata panggilan yang dihadiri pada tahun 2021 ialah sebanyak 271 panggilan iaitu terdapat peningkatan sebanyak 72 panggilan berbanding tahun 2020 iaitu 199 panggilan. Operasi mencari dan menyelamat mangsa lemas menyumbang peningkatan sebanyak 17 panggilan operasi. Ini kerana negara dilanda musibah banjir.
- 1.6 Setiap kes yang dihadiri oleh unit ini telah mencapai objektif jabatan dalam memberikan khidmat bantuan penyiasatan kebakaran dan operasi mencari dan menyelamat.

OPERASI CADEVER

Jenis Operasi : Kejadian melibatkan seorang warga negara Indonesia berumur 18 tahun tergelincir semasa ingin melepaskan tali kail di dalam sungai.
 No. Bilangan : 41/2021
 Alamat : Tol Batu 13, Lorong 16, Kampung Kenangan, Selangor.
 Tarikh Kejadian : 03 Ogos 2021
 Masa Kejadian : 17:53
 Hasil Pengesan: Mangsa berjaya dikesan dengan bantuan anjing pengesan.



OPERASI CADEVER

Jenis Operasi : Mencari Mangsa Tanah Runtuh.
 No. Bilangan : 43/2021
 Alamat : Titi Hanyun Yan, Kedah.
 Tarikh Kejadian : 19 Ogos 2021
 Masa Kejadian : 17:53
 Hasil Pengesan: Operasi banjir kilat menyebabkan kepala air melanda 3 buah daerah. Unit ini dikerahkan untuk melakukan kerja-kerja mengesan dan membantu pasukan penyelamat dalam operasi mencari dan menyelamat sehingga berjaya menjumpai mangsa (meninggal dunia) yang terakhir.



OPERASI CADEVER

Jenis Operasi : Mencari Dan Menyelamat Mangsa Tertimbus.

No. Bilangan : 67/2021

Alamat : KAMPUNG TELEMONG KARAK, PAHANG.

Tarikh Kejadian : 18 Disember 2021

Masa Kejadian : 18:40

Hasil Pengesan: Membantu pasukan penyelamat dalam mengesan mangsa-mangsa yang ditimpa kepala air semasa hujan lebat dan banjir.



OPERASI CADEVER

Jenis Operasi : Mencari dan menyelamat 3 orang mangsa yang tertertimbus akibat kejadian kepala meranapkan 80% chalet milik mangsa

No. Bilangan : 66/2021

Alamat : Bobby Eco Farm Bukit Tinggi,Bentong,Pahang.

Tarikh Kejadian : 23 Disember 2021

Masa Kejadian : 04:02

Hasil Pengesan: Mangsa kedua merupakan seorang wanita dan isteri kepada milik chalet berjaya dikesan dengan bantuan anjing pengesan.





OPERASI WILDERNESS

Jenis Operasi : Didapati mangsa seorang remaja telah hilang dikebun dan tidak balik ke rumah selama 2 hari kerana kemurungan.
 No. Bilangan : 62/2021
 Alamat : Zale-Mk-Farm Hulu Yam, Selangor.
 Tarikh Kejadian : 03 November 2021
 Masa Kejadian : 08:00
 Hasil Pengesahan: Mengesahkan tiada mangsa yang hilang dan mangsa didapati telah balik ke rumah serta didapati tidak sesat.



OPERASI WILDERNESS

Jenis Operasi : Mangsa merupakan seorang kurang upaya (OKU) dipercayai sesat ekoran ditinggalkan berseorangan di sebuah pondok oleh anak saudara mangsa.
 No. Bilangan : 12/2021
 Alamat : Kampung Bukit Mali Pasir Akar, Jertih Terengganu.
 Tarikh Kejadian : 08 mac 2021
 Masa Kejadian : 08:23
 Hasil Pengesahan: Mangsa telah dijumpai dalam keadaan selamat oleh anggota bomba dibantu oleh Pasukan Unit Pengesan (K9) JBPM.



OPERASI WILDERNESS

Jenis Operasi : Mangsa merupakan seorang warga emas yang mempunyai masalah hilang ingatan dan didapati tidak pulang ke rumah setelah disedari oleh ahli keluarga.
No. Bilangan : 31/2021
Alamat : Kampung Bukit Mali Pasir Akar Jertih Terengganu.
Tarikh Kejadian : 04 Julai 2021
Masa Kejadian : 17:00
Hasil Pengesahan: Mangsa dijumpai meninggal dunia dari jarak lebih kurang 3 kilometer dari tempat motorsikal mangsa.



OPERASI WILDERNESS

Jenis Operasi : Mangsa merupakan seorang lelaki dewasa didapati hilang setelah memasuki ladang kelapa tidak jauh dari rumah mangsa.
No. Bilangan : 53/2021
Alamat : Alor Bakong Langkap Teluk Intan Perak.
Tarikh Kejadian : 07 Oktober 2021
Masa Kejadian : 13:00
Hasil Pengesahan: Mangsa dijumpai oleh Polis Bantuan jarak lebih kurang 6km daripada motorsikal mangsa.



OPERASI WILDERNESS

Jenis Operasi : Membantu mencari dan menyelamat seorang kanak-kanak lelaki 10 tahun dipercayai telah hilang di dalam hutan

No. Bilangan : 12/2021

Alamat : Kampong Rantau Panjang , Batu Kawa, Kuching Sarawak.

Tarikh Kejadian : 28 november 2021

Masa Kejadian : 19:00

Hasil Pengesan: Pencarian dimulakan dari rumah mangsa menggunakan anjing pengesan (K9) Disiplin Wilderness dan anjing pengesan telah menuju ke jeti berhampiran dari rumah mangsa. Strategik operasi dilakukan dengan penukaran Disiplin Cadaver untuk mencari di kawasan air di sekitar jeti. Mangsa telah di jumpai oleh nelayan tersangkut di jaring tidak jauh dari kawasan pengesan Unit Pengesan (K9) JBPM.



OPERASI FI

Jenis Operasi : Kebakaran melibatkan dua buah rumah tidak kekal yang telah terbakar 100%.

No. Bilangan : 01/ 2021

Alamat : Kampong Melikai Menumbuk, Kuala Penyu Sabah.

Tarikh Kejadian : 06 Januari 2021

Masa Kejadian : 06:11

Hasil Pengesan: Dikesan



OPERASI FI

Jenis Operasi : Kebakaran rumah yang merupakan Home Stay yang melibatkan setiap ruang bilik tidur. Terdapat unsur pecah masuk secara fizikal.
No. Bilangan : 122/2021
Alamat : No 25 Taman Kampung Kolam Impian Kuala Rompin
Tarikh Kejadian : 15 November 2021
Masa Kejadian : 05:19
Hasil Pengesanan: Dikesan



OPERASI FI

Jenis Operasi : Kebakaran Kereta merupakan milik Pegawai Kanan Kastam yang senjata dibakar dengan bukti penemuan kesan petrol analisis MPK
No. Bilangan : 126/2021
Alamat : Lorong Permai 1C,Taman Pandamaran Permai, Pelabuhan Klang,Selangor.
Tarikh Kejadian : 18 November 2021
Masa Kejadian : 11:03
Hasil Pengesanan: Dikesan



OPERASI FI

Jenis Operasi : Kebakaran Kereta melibatkan jenama Proton Wira di dalam kawasan kebun getah. Punca kebakaran dipercayai perbuatan khianat.
 No. Bilangan : 128/2021
 Alamat : Kampung Pulau Rasa Marang Terengganu.
 Tarikh Kejadian : 20 November 2021
 Masa Kejadian : 21:16
 Hasil Pengesahan: Dikesan



OPERASI FI

Jenis Operasi : Kebakaran kenderaan yang telah disita melibatkan 19 buah kenderaan pelbagai jenis iaitu 3 buah lori, 7 buah kereta dan 9 buah motorsikal.
 No. Bilangan : 08/2021
 Alamat : IPD Serdang Bandar Kinrara, Selangor.
 Tarikh Kejadian : 18 Januari 2021
 Masa Kejadian : 23:59
 Hasil Pengesahan: Dikesan



KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, Unit Pengesan (K9) JBPM telah mencapai objektif jabatan dalam memberikan khidmat bantuan penyiasatan kebakaran dan operasi mencari dan menyelamat. Kes bantuan penyiasatan kebakaran telah Berjaya membantu Pegawai Penyiasatan (FIO) untuk mengesan (penemuan) bahan bukti (*acce/lenet*) di tempat kebakaran dan merupakan panggilan kes yang paling banyak dihadiri.

Manakala bagi kes operasi mencari dan menyelamat untuk disiplin anjing pengesan SAR *Wilderness, SAR Cadaver* dan UDSAR telah menyumbang beberapa kejayaan. Antaranya ialah:

1. Operasi siasatan kebakaran di Blok F, Lorong 7, Taman Suria Jaya, Jalan Matang Sarawak. Kebakaran melibatkan 14 unit rumah flat 4 tingkat jenis kekal dan 7 buah motorsikal. Unit Pengesan (K9) berjaya mengesan bahan bakar.
2. Operasi siasatan kebakaran 19 buah kenderaan di IPD Serdang Bandar Kinrara, Selangor. Unit Pengesan (K9) berjaya mengesan bahan bakar.
3. Operasi mencari dan menyelamat mangsa tertimbus di Bobby Eco Farm Bukit Tinggi, Bentong, Pahang, akibat kepala air yang meranapkan 80% chalet. Unit Pengesan (K9) berjaya mengesan mangsa kedua yang merupakan seorang wanita.
4. Operasi mencari dan menyelamat mangsa lemas yang tergelincir ke dalam sungai di Jeram 7, Air Putih, Cheneh, Terengganu. Unit Pengesan (K9) berjaya mengesan mangsa.



PENCAPAIAN UNIT KOMPETENSI

RINGKASAN LAPORAN PANEL PEPERIKSAAN SUBJEK JABATAN

- 1.1 Analisa Peperiksaan Perkhidmatan Memasuki Skim Pegawai Bomba Gred KB 19. Keputusan Peperiksaan Subjek Jabatan Skim Perkhidmatan Pegawai Bomba Gred KB19, bagi Siri 1 dan Siri 2 Tahun 2021 . Peperiksaan Subjek Jabatan bagi Skim Perkhidmatan Pegawai Bomba Gred KB19, telah diadakan di pusat-pusat peperiksaan seluruh Malaysia seperti berikut;

BIL	JENIS PEPERIKSAAN	TARIKH PEPERIKSAAN	
		SIRI 1/2021	SIRI 2/2021
		1 APRIL 2021	27 OKTOBER 2021


GRAF BAR MENUNJUKKAN PERATUSAN LULUS DAN GAGAL PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN SIRI 1/2021 DAN SIRI 2/2021



1.2 Analisa Peperiksaan Khas Memasuki Skim Penolong Pengguna Bomba dan Peperiksaan Khas Memasuki Skim Pengguna Bomba di Seluruh Malaysia.

Bil	Peperiksaan	Calon Memohon	Calon Menduduki	Tidak Hadir
1.	Khas Memasuki Skim Penolong Pengguna Bomba Gred KB 29	146	110	36
2.	Khas Memasuki Skim Pengguna Bomba Gred KB 41	103	63	40

GRAF BAR MENUNJUKKAN PERATUSAN LULUS DAN GAGAL PEPERIKSAAN KHAS TAHUN 2021



2.0 LAPORAN SESI COACHING DAN MENTORING

2.1 Bengkel *Road to Success* Peperiksaan Perkhidmatan Memasuki Skim Pegawai Bomba Gred KB 19 atas talian

- Tarikh Perlaksanaan**
 - 5 Mac 2021
- Jumlah Peserta Yang terlibat**
 - 140 orang daripada 16 Negeri dan Bahagian
- Faedah**
 - Peserta akan memberi tumpuan penuh pada subjek yang dibincangkan dan memperolehi maklumat yang amat penting semasa membuat persediaan untuk menduduki peperiksaan perkhidmatan.
- Objektif**
 - Memastikan setiap calon 100 % lulus dalam peperiksaan perkhidmatan (ulangan) skim perkhidmatan Bomba Gred KB 19
- Impak**
 - Menggunakan platform yang sesuai untuk mencapai calon daripada seluruh negeri dalam satu masa. Kos efektif program ini adalah low cost with high impact
 - Impak program, 70 % calon lulus dalam Peperiksaan Perkhidmatan.

2.2 Bengkel Sukses Peperiksaan Khas Memasuki Skim Penolong Pengguna Bomba dan Pengguna Bomba Atas Talian

Tarikh Perlaksanaan
• 17 Jun 2021
Faedah Bengkel
<ul style="list-style-type: none"> • Meningkatkan tahap kefahaman calon tentang teknik menjawab yang berkesan dan efektif. • Meningkatkan cara pengurusan sebagai calon Peperiksaan Khas.
Jumlah Peserta
<ul style="list-style-type: none"> • 148 Calon Peperiksaan KB 29 • 99 Calon Peperiksaan Khas KB 41


2.3 Bengkel Penafsiran Ujian Psikologi Pegawai Bomba

OBJEKTIF
<ul style="list-style-type: none"> • Meningkatkan tahap kefahaman calon tentang teknik menjawab yang berkesan dan efektif. • Setiap Calon didedahkan dengan kemahiran menjawab dengan cara yang betul dan efektif. • Meningkatkan cara pengurusan sebagai calon Peperiksaan
Tarikh Perlaksanaan
• 7 September 2021
JUMLAH PESERTA PROGRAM
• 68 peserta
JUMLAH YANG BERDAFTAR
• 71 peserta

3.0 LAPORAN PROGRAM MEMBANGUNKAN COMPETENCY MODEL

3.1 Unit Kompetensi bekerjasama dengan pasukan khas untuk Membangunkan garis panduan dan protokol ujian penilaian kompetensi berdasarkan *iceberg model of competency*. Kaedah Ujian Kompetensi Berdasarkan Model Iceberg yang menerangkan keupayaan pelaku yang berjaya menggunakan model kompetensi untuk membimbang usaha dalam pembangunan dalam latihan

ICEBERG MODEL OF COMPETENCIES



Sumber: Lyle M.Spencer Jr.PhD ,Competence at Work – Models for superior performance

Model iceberg telah dibangunkan oleh ahli psikologi Harvard bernama David McClelland. Model iceberg mengandungi enam kecekapan iaitu kemahiran, pengetahuan, peranan sosial, imej diri, sifat dan motif. Kemahiran dan pengetahuan terletak pada bahagian gunung ais yang terletak di atas paras air, yang mudah dilihat.

Domain ini adalah sekitar 20% daripada kecekapan seseorang. Jadi kumpulan ini agak mudah untuk ditentukan. Peranan sosial, imej diri, sifat dan motif diletakkan di atas gunung ais di bawah paras air iaitu tersembunyi daripada mata manusia. Ini menyumbang kira-kira 80 peratus daripada kecekapan seseorang, tetapi mereka jauh lebih sukar untuk dinilai daripada kemahiran dan pengetahuan.

Berikut merupakan maklumat membangunkan bengkel penilaian kompetensi :

- Perbincangan Membangunkan Garis Dan Panduan Ujian Penilaian Kompetensi Unit Pengesan (10 Mac 2021)
- Bengkel Membangunkan Garis Panduan Dan Protokol Ujian Penilaian Kompetensi Pasukan Unit Udara Bomba (8 April 2021)
- Bengkel Membangunkan Ujian Penilaian Kompetensi Berdasarkan Jadual Tugas Harian Balai - Pasukan Pemadam dan Penyelamatan (14 Oktober 2021)
- Bengkel Membangunkan Behavioral Competency Test Dengan Kerjasama UPSI dan The Malaysian Psychometric Association (22 October 2021)

GALERI

Perbincangan Membangunkan Garis dan Panduan Ujian Penilaian Kompetensi
Unit Pengesan (10 Mac 2021)





Bengkel Membangunkan Garis Panduan Dan Protokol Ujian Penilaian Kompetensi Pasukan Unit Udara Bomba (8 April 2021)



Bengkel Membangunkan Ujian Penilaian Kompetensi Berdasarkan Jadual Tugas Harian Balai - Pasukan Pemadam dan Penyelamatan (14 Oktober 2021)



Bengkel Membangunkan Behavioral Competency Test Dengan Kerjasama Pensyarah UPSI dan The Malaysian Psychometric Association (22 October 2021)



PENCAPAIAN UNIT INTEGRITI

1. UNIT INTEGRITI

Penubuhan Unit Integriti Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia adalah berdasarkan kepada PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 6 TAHUN 2013 - PENUBUHAN UNIT INTEGRITI DI SEMUA AGENSI AWAM. Tujuan Pekeling Perkhidmatan tersebut adalah untuk memaklumkan mengenai keputusan Kerajaan menubuhkan Unit Integriti sebagai focal point kepada pengurusan isu-isu berkaitan integriti di semua agensi awam. Sistem tadbir urus sektor awam yang terbaik dan budaya kerja berkualiti merupakan landasan penting dalam meningkatkan keyakinan rakyat terhadap keupayaan Kerajaan melaksanakan dasar yang dimandatkan. Dalam hubungan ini, Kerajaan akan terus mengambil langkah untuk memantapkan integriti bagi menentukan penjawat awam menjunjung dan menegakkan prinsip integriti serta akauntabiliti ke arah mencapai sistem penyampaian awam yang lebih cemerlang.

Ke arah ini, Kerajaan telah bersetuju mewujudkan Unit Integriti di semua agensi awam. Unit ini bertujuan untuk memastikan penjawat awam mengamalkan budaya kerja unggul dengan ciri-ciri moral dan etika yang kukuh hatta meningkatkan semangat patriotisme. Inisiatif ini diharapkan akan dapat membendung salahlaku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi di kalangan penjawat awam.

Jabatan Perkhidmatan Awam telah memperakukan penubuhan Unit Integriti melalui surat rujukan JPA.BPO(S)253/2/5-3Jld.60(65) bertarikh 30 Oktober 2013. Manakala Kementerian Kewangan melalui surat rujukan: KK/BPB(19.00)/202/1/2-1JD.19s.k(6)(3) bertarikh 14 November 2013 telah bersetuju untuk meluluskan perakuan penubuhan tersebut dengan Waran Perjawatan Bil.S 224 Tahun 2013 bertarikh 14 November 2013. Dengan itu Unit Disiplin telah dimansuhkan.

1.1 PIAGAM PELANGGAN

Komitmen kami adalah untuk memberi perkhidmatan yang berikut kepada semua lapisan masyarakat dengan cekap dan berkesan.

Dengan itu kami berjanji akan :

- Memberi Maklum Balas Terima Aduan kepada pengadu dalam masa 3 hari daripada tarikh terima aduan;
- Menyelesaikan aduan bertaraf mudah dalam masa 5 hari bekerja;
- Menjalankan siasatan dan mengesyorkan tindakan susulan ke atas setiap aduan peringkat sederhana yang diterima dalam masa 14 hari bekerja;
- Menjalankan siasatan dan mengesyorkan tindakan susulan ke atas setiap aduan bertaraf kompleks yang diterima dalam masa 365 hari.

1.2 FUNGSI

Penubuhan Unit Integriti ini merupakan usaha kawalan dalaman oleh agensi untuk menguruskan integriti dalam organisasi. Unit ini bertanggungjawab untuk melaksanakan enam (6) fungsi teras seperti berikut:

(i). Menyelaras Program Pengukuhan Integriti Jabatan

Melaksanakan kegiatan penggalakan, penerapan dan penghayatan serta pembudayaan nilai-nilai murni dan kod etika untuk membangunkan anggota dalam jabatan yang mempunyai daya tahan yang tinggi, beretika dan berintegriti. Pembudayaan dan

penerapan nilai-nilai murni dan kod etika perlu disepadukan dalam pelaksanaan dasar, perundangan, peraturan serta sistem dan prosedur penyampaian perkhidmatan untuk mengekang warga kerja daripada melakukan sebarang bentuk perlakuan negatif.

(i). Menyelaras Program Pengurusan Aduan

Menerima dan mengambil tindakan ke atas semua aduan/maklumat mengenai salahlaku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi; Melaksanakan kajian analisis dan mengemukakan laporan berkaitan dengan aduan yang telah diselesaikan.

(ii). Menyelaraskan Program Tadbir Urus

Memastikan tadbir urus yang terbaik dilaksanakan; Membuat peraturan-peraturan baru atau panduan-panduan berkaitan dengan Tadbir Urus. Menentukan semua penjawat awam dalam jabatan semua peringkat melaksanakan tanggungjawabnya secara telus, berkauntabiliti dan berhemat dari segi pengambilan keputusan dan penyampaian hasil. Objektif tadbir urus adalah bertujuan untuk menyemai dan meningkatkan keyakinan rakyat terhadap keupayaan jabatan untuk melaksanakan dasar yang telah dimandatkan.

“Tadbir urus merangkumi aspek-aspek seperti tatacara Ketua Eksekutif/Ketua Jabatan dan para pegawai di semua peringkat pengurusan melaksanakan tanggungjawab secara telus dan berhemah dari segi pengambilan dan penyampaian hasil, struktur termasuk budaya kerja, dasar, strategi serta tatacara mereka berurus dengan pelbagai pihak yang berkepentingan (stakeholders) dan proses di mana agensi awam diurus/diarah, dikawal dan dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan objektif yang telah dipersetujui”.
(Tan Sri Mohd. Sidek Hj. Hassan, 2007)

(iii). Menyelaraskan Program Pematuhan

Memastikan pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa;

(iv). Menyelaraskan Program Pengesahan, Pengesanan

Mengesan dan mengesahkan aduan salahlaku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi serta memastikan tindakan susulan yang sewajarnya diambil. Melaporkan salahlaku jenayah kepada agensi penguatkuasaan yang bertanggungjawab;

(v). Menyelaraskan Program Urusan Tatatertib

Melaksanakan fungsi keurusetiaan tatatertib. Melaksanakan kajian analisis ke atas data-data kes tatatertib untuk mengenalpasti isu, trends bagi cadangan penambahbaikan dan mengambil tindakan pencegahan dan pembetulan dengan segera berdasarkan peruntukan undang-undang atau peraturan sedia ada.

2. PROGRAM DAN AKTIVITI TAHUNAN

2.1 TADBIR URUS DAN PEMATUHAN

2.1.1 PELAKSANAAN INISIATIF OACP

Jabatan telah melaksanakan inisiatif OACP yang telah dirangka:

- a) Pensijilan Anti Bribery Management Systems (ABMS) ISO 37001:2016 Bagi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Penghususan Cawangan Pengurusan Kewangan Dan Bahagian Kejuruteraan Jentera
- b) Pelancaran Penyataan Dasar Anti Rasuah Dan Integriti JBPM
- c) Pelancaran Jelajah Anti Rasuah (JAR) SPRM Dan JBPM 2021
- d) Pemantauan Pelaksanaan Pencapaian OACP Di Peringkat Bahagian Dan Negeri Serta Akademi
- e) Pemantauan Keterhutangan Kewangan Yang Serius

2.1.2 PENSIJILAN ANTI BRIBERY MANAGEMENT SYSTEMS (ABMS) ISO 37001:2016

JBPM mula menggerakkan perancangan pelaksanaan ke arah pensijilan ABMS pada tahun 2020 di mana pengurusan tertinggi telah memberi komitmen dan menyatakan kesungguhan jabatan ke arah sistem ini. Perkara ini telah dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Anti Rasuah (JAR) peringkat JBPM Bil. 3 Tahun 2021. Perkara ini selari dengan keputusan Governing Body iaitu Kementerian Perumahan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang diketuai oleh YBhg Ketua Setiausaha Kementerian (KSU) dan dibantu oleh urusetia induk Unit Integriti KPKT.

Komitmen ini pelaksanaan pensijilan ini adalah selari dengan Pelan Anti Rasuah Nasional 2019-2023 (NACP 2019-2023) iaitu Objektif Strategik 2.1.3 Pensijilan ABMS pada semua agensi kerajaan dan Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti-Rasuah (JKKMAR) Siri 14 bertarikh 19 April 2021 (Perkara 3.2).

2.1.3 PERTANDINGAN PENGURUSAN PEMERKASAAN INTEGRITI DAN AKAUNTABILITI JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA 2020-2021

Unit Integriti telah melaksanakan pertandingan pemerkasaan integriti dan akauntabiliti Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia 2020-2021. Program ini diadakan untuk menilai tahap keberkesanan pelaksanaan program-program yang dapat memperkasakan integriti di kalangan pegawai di peringkat JBPM Negeri bagi mengelakkkan pegawai terlibat dalam salah guna kuasa, penyelewengan dan rasuah.



Bahagian	Senarai Semak	Rumusan
A	Pengurusan Sumber Manusia •My Portfolio •Perisyntiharhan Harta	<ul style="list-style-type: none"> Kesemua JBPM Negeri telah mengambil tindakan selaras dengan peraturan yang dikeluarkan.
B	Pelaksanaan sistem Kawalan Akauntabiliti dan Integriti (SKAI) •Pematuhan •Dokumentasi •Kesempurnaan •Penghayatan dan pembudayaan SKAI	<ul style="list-style-type: none"> Kebanyakan JBPM Negeri telah melaksanakan SKAI secara menyeluruh. Walau bagaimanapun, amalan SKAI dalam Tadbir Urus balai kurang memuaskan terutamanya SKAI 04 (Laporan Penyelia) dan SKAI 05 (Tindakan Pengesanan Integriti)
C	Aktiviti Pemerksaan Integriti •Mesyuarat Jawatankuasa Anti Rasuah (JAR) •Pengurusan Tata tertib •Program Jelajah Anti Rasuah (JAR) JBPM-SPRM •Pelaksanaan OACP 2020-2024 •Aktiviti Pemerksaan Integriti •Pengurusan Keterhutangan Kewangan yang serius •Tadbir Urus Pematuhan Integriti dan Akauntabiliti	<ul style="list-style-type: none"> Terdapat beberapa perkara yang perlu diberi perhatian khususnya: Pelaporan Pelaksanaan OACP sukuan tidak dihantar dan tiada pemantauan, Tindakan terhadap pegawai yang terlibat Keterhutangan Kewangan yang serius seperti tidak dilaksanakan program awareness seperti AKPK dan pendekatan keagamaan Pelaporan aktiviti pemerksaan Integriti tidak dihantar ke UIN (semasa audit baru respon)



2.1.4 PELANCARAN PENYATAAN DASAR ANTI RASUAH DAN INTEGRITI J B P M

Pada 18 Februari 2021, J B P M telah melancarkan Penyataan Dasar Integriti dan Anti Rasuah bagi menyatakan komitmen Pensijilan Anti Bribery Management System (ABMS) MS ISO 37001:2016. Pelancaran ini dibuat secara bersama di antara YAS Ketua Pengarah, J B P M Dato Sri' TS Mohammad Hamdan Bin Hj. Wahid dan Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) Dato' Sri Shamshun Baharin Mohd Jamil.

2.1.5 PELAKSANAAN PEMATUHAN INTEGRITI

Bil.	Program	Tarikh	Tempat
1	Lawatan Mengejut	12/1/2021	BBP Maran
2	Naziran Integriti/Lawatan Mengejut	22/3/2021	BBP Kuala Perlis
3	Naziran Integriti/Lawatan Mengejut	9/3/2021	BBP Muar
4	Naziran Integriti/Lawatan Mengejut	10/3/2021	BBP Bandar Baru Segamat
5	Naziran Integriti/Lawatan Mengejut	23/3/2021	BBP Langkawi
6	Naziran Integriti/Lawatan Mengejut	5/4/2021	BBP Bangi
7	Naziran Integriti/Lawatan Mengejut	22/4/2021	BBP Setiu
8	Naziran Integriti/Lawatan Mengejut	16/6/2021	BBP Nilai
9	Naziran Integriti/Lawatan Mengejut	17/6/2021	BBP Petaling Jaya
10	Naziran Pematuhan Perintah Kawalan Pergerakan	21/6/2021	BBP Hartamas
11	Naziran Pematuhan Perintah Kawalan Pergerakan	22/6/2021	BBP Mantin
12	Naziran Integriti/Lawatan Mengejut	29/6/2021	BBP Sungai Durian
13	Naziran Integriti/Lawatan Mengejut	30/6/2021	BBP Pengkalan Kubor Kelantan
14	Naziran Integriti/Lawatan Mengejut	30/6/2021	BBP Rantau Panjang, Kelantan
15	Naziran Integriti/Lawatan Mengejut	9/7/2021	BBP Jelebu
16	Naziran Integriti/Lawatan Mengejut	23/8/2021	BBP Kuala Nerus
17	Naziran Integriti/Lawatan Mengejut	5/8/2021	BBP Bentong, Pahang
18	Naziran Pematuhan Perintah Kawalan Pergerakan	5/8/2021	BBP Raub, Pahang
19	Naziran Integriti/Lawatan Mengejut	3/9/2021	BBP Taiping, Perak
20	Naziran Integriti/Lawatan Mengejut	14/9/2021	BBP Ringlet, Pahang
21	Naziran Integriti/Lawatan Mengejut	15/9/2021	BBP Cameron Highlands
22	Naziran Integriti dan Tatatertib	22/3/2021	J B P M Putrajaya
23	Naziran Integriti dan Tatatertib	29-30/3/2021	J B P M Negeri Perak
24	Naziran Integriti dan Tatatertib	9/11/2021	J B P M Negeri Kedah
25	Naziran Integriti dan Tatatertib	9/11/2021	J B P M Negeri Perlis
26	Naziran Integriti dan Tatatertib	16-17/11/2021	J B P M Negeri Johor

2.1.6 HEBAHAN PEMATUHAN INTEGRITI

- i. Surat Mempertingkatkan pemantauan, kawalselia dan pengesahan gejala genderisme di kalangan pegawai dan anggota Jabatan Bomba dan Penyelamatan Malaysia (JBPM) - 4 Januari 2021
- ii. Surat Arahan Pelaksanaan Pesanan Integriti Bagi Perolehan Kerajaan di Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia - 27 Julai 2021
- iii. Surat Arahan Pelaksanaan dan Pematuhan Lampiran Aduan Integriti Dalam Urusan Perolehan Peringkat Jabatan - 27 Julai 2021
- iv. Surat Arahan Pelaksanaan Anti Bribery Management System (ABMS) ISO 37001:2016 di Cawangan Pengurusan Kewangan (CPK) Ibu Pejabat dan Bahagian Kejuruteraan Jentera Pusat
- v. Pematuhan Terhadap Meletakkan Kenderaan Di Tempat Yang Telah Disediakan (26.11.2021)
- vi. Pematuhan Terhadap Perintah Kawalan Pergerakan 3.0

2.1.7 PEMANTAUAN KETERHUTANGAN KEWANGAN YANG SERIUS

Keterhutangan kewangan yang serius mengikut Peraturan 13.(1) ‘Seseorang pegawai tidak boleh dengan apa cara-apa cara menyebabkan dirinya berada dalam keterhutangan kewangan yang serius’.

Dalam Peraturan 13(7) dinyatakan bahawa ungkapan “keterhutangan kewangan yang serius” erti keadaan keterhutangan seseorang pegawai yang setelah diambil kira amaun hutang yang ditanggung olehnya, telah sebenarnya menyebabkan kesusahan kewangan yang serius kepadanya.


Sehubungan Unit Integriti sentiasa memantau mana-mana pegawai yang terlibat dalam masalah keterhutangan kewangan yang serius selari dengan hasrat Kementerian yang sentiasa mengambil berat tentang isu ini. Mana-mana pegawai yang didapati terlibat dalam masalah ini akan dipantau sehingga mereka bebas dari belenggu keterhutangan. Pegawai akan diminta merujuk secara individu dengan pihak Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit bagi membantu menyelesaikan masalah ini.

	Ibu Pejabat / Negeri	Jumlah	
		Slip Gaji	SKAI 07
1	Ibu Pejabat JBPM	7	0
2	WP Putrajaya	1	1
3	Selangor	39	0
4	WP Kuala Lumpur	18	0
5	Perlis	2	2
6	Kedah	7	7
7	Pulau Pinang	19	5
8	Perak	28	1
9	Negeri Sembilan	7	2
10	Melaka	6	6
11	Johor	21	8
12	Pahang	14	0
13	Terengganu	4	0
14	Kelantan	9	0
15	Sabah	21	0

16	Sarawak	14	0
17	WP Labuan	4	0
18	FRAM W. Timur	2	0
19	FRAM W. Tengah	2	0
20	FRAM W. Utara	0	0
JUMLAH		225	32

Statistik Keterhutangan Kewangan Serius Untuk Bulan Disember 2021

STATISTIK KETERHUTANGAN KEWANGAN YANG SERIUS MENGIKUT TAHUN



Berdasarkan jadual di atas menunjukkan statistik keterhutangan kewangan serius pegawai jabatan mengikut tahun. Berdasarkan statistik tersebut terdapat trend penurunan yang dicatatkan. Faktor penurunan tersebut adalah disebabkan pelbagai usaha yang dianjurkan oleh jabatan untuk menangani masalah keterhutangan kewangan yang serius oleh pegawai selain terdapat pegawai yang masih diberi moratorium oleh bank kecuali pinjaman LPPSA.

2.1.8 PROGRAM PENGUKUHAN INTEGRITI

Bil	Aktiviti	Tarikh	Lokasi	Peserta
1	Dialog Integriti di Balai Bomba dan Penyelamat Mersing, Johor	15 Feb	BBP Mersing, Johor	10 orang
2	Dialog Integriti di Balai Bomba dan Penyelamat Rompin, Pahang	16 Feb	BBP Rompin, Pahang	10 orang
3	Dialog Integriti di Balai Bomba dan Penyelamat Endau, Johor	17 Feb	BBP Endau, Johor	5 orang
4	Perhimpunan Bulanan dan Pelancaran Jelajah Anti Rasuah (JAR)	19 Feb	Ibu Pejabat JBPM Putrajaya	Bersemuka - 50 orang Zoom - 1450 orang
5	Sesi temubual bersama YAS Ketua Pengarah MACCFM	19 Feb	Ibu Pejabat JBPM Putrajaya	10 orang - Bersemuka Zoom maccfm
6	Bengkel Gangguan Seksual	3 Mac	Ibu Pejabat JBPM Putrajaya	Bersemuka - 50 orang Zoom - 450 orang
7	Dialog Integriti di Balai Bomba dan Penyelamat Muar, Johor	9 Mac	BBP Muar, Johor	10 orang
8	Dialog Integriti di Balai Bomba dan Penyelamat Segamat, Johor	10 Mac	BBP Segamat, Johor	10 orang

9	Dialog Integriti di Balai Bomba dan Penyelamat Langkawi, Kedah	22 Mac	BBP Langkawi, Kedah	10 orang
10	Executive Talk YAS Ketua Pengarah	1 April	Ibu Pejabat JBPM Putrajaya	Bersemuka - 50 orang Zoom - 950 orang
11	Executive Talk Sambutan Hari Anggota Bomba	4 Mei	Ibu Pejabat JBPM Putrajaya	Bersemuka - 50 orang Zoom - 1450 orang
12	Dialog Integriti di Balai Bomba dan Penyelamat Nilai, N. Sembilan	16 Jun	BBP Nilai, N. Sembilan	10 orang
13	Dialog Integriti di Balai Bomba dan Penyelamat Hartamas, K.Lumpur	21 Jun	BBP Hartamas, K.Lumpur	15 orang
14	Dialog Integriti di Balai Bomba dan Penyelamat Paya Kerubung, Pulau Pinang	13 Julai	BBP Paya Kerubung, Pulau Pinang	15 orang
15	Dialog Integriti di Balai Bomba dan Penyelamat Paya Jengka, Pahang	12 Ogos	BBP Paya Jengka, Pahang	10 orang
16	Dialog Integriti di Balai Bomba dan Penyelamat Seri Manjung, Perak	26 Ogos	BBP Seri Manjung, Perak	10 orang
17	Kursus Penyediaan Kertas Siasatan	24-25 Ogos	Ibu Pejabat JBPM Putrajaya	Bersemuka - 10 orang Zoom - 30 orang
18	Dialog Integriti di Balai Bomba dan Penyelamat Ringlet, Pahang	14 Sep	BBP Ringlet, Pahang	12 orang
19	Dialog Integriti di Balai Bomba dan Penyelamat Cameron Highland, Pahang	14 Sep	BBP Cameron Highland, Pahang	12 orang
20	Taklimat Sistem Kawalan Akauntabiliti dan Integriti (SKAI) Zon Selatan	14 Okt	Ibu Pejabat JBPM Putrajaya	Zoom 40 orang
21	Kursus Pengurusan Integriti dan Tatatertib	6 Okt	Ibu Pejabat JBPM Putrajaya	25 orang
22	Ceramah Gangguan Seksual	6 Okt	Ibu Pejabat JBPM Putrajaya	Bersemuka - 50 orang Zoom - 650 orang
23	Debat Sempena Sambutan Hari Integriti 2021	11 Okt	Ibu Pejabat JBPM Putrajaya	60 orang

2.2 STATISTIK ADUAN

2.2.1 Statistik Aduan Mengikut Jenis Saluran dari tahun 2015 hingga 2020

Saluran Aduan	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	Jumlah
Surat Rasmi	8	11	2	22	21	22	30	116
Emel	12	3	10	10	9	7	10	61
Hadir	0	0	0	2	1	0	0	3
Telefon/Whatapps	4	3	2	14	5	9	10	47
Internet	3	5	5	0	0	0	7	20
Surat layang	6	14	13	4	15	25	27	104
Pegawai dalaman	7	3	4	0	-	0	0	14
Pihak ke tiga	0	8	13	2	0	0	0	23
JUMLAH	40	47	49	54	51	63	84	388

Berdasarkan jadual, jumlah aduan disiplin mula menunjukkan peningkatan bermula dari tahun 2015 hingga 2018 iaitu 40 kes (2015) 47 kes (2016), 48 kes (2017) dan 54 kes (2018) tetapi mula menurun bagi tahun 2019 iaitu 51 kes. Walau bagaimanapun pada tahun 2020 jumlah kes aduan sebanyak 63 kes menunjukkan peningkatan sebanyak 12 kes berbanding tahun 2019 dan terus meningkat 21 kes menjadikan keseluruhan 84 kes pada tahun 2021.

Peningkatan dan penurunan jumlah aduan menunjukkan usaha pemerkasaan Integriti melalui Program-program nilai-nilai murni dan integriti harus sampai ke segenap pelusuk negara supaya mesej yang ingin disampaikan oleh Pengurusan Tertinggi Jabatan akan sampai ke akar umbi

2.2.2 Statistik Aduan Mengikut sektor dari tahun 2015 hingga 2020


Bil.	Klasifikasi Aduan Mengikut Sektor	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	Jumlah
1	Sektor Pentadbiran	4	6	15	3	0	4	0	32
2	Sektor Perolehan	0	0	3	1	3	2	2	11
3	Sektor Kewangan	0	0	0	0		0	1	1
4	Sektor Penguatkuasaan	0	0	1	0	3	1	1	6
5	Sektor Perlesenan	0	0	2	1	0	0	2	5
6	Lain-lain								0
	i. Salahlaku	29	36	15	39	27	45	48	239
	ii. Salahguna Kuasa	4	4	8	4	4	7	9	40
	iii. Pengurusan	0	0	0	0	7	2	10	19
	iv. Penyelewengan	0	0	0	1	0	0	3	4
	v. Rasuah	3	0	2	1	1	0	1	8
	vi. Skandal/Seksual	0	1	3	4	6	2	7	23
JUMLAH		40	47	49	54	51	63	84	303

Sepanjang tahun 2021, Unit Integriti telah menerima sebanyak 84 aduan integriti berbanding 63 aduan pada tahun 2020. Jumlah ini menunjukkan peningkatan sebanyak 21 kes. Bagi klasifikasi aduan mengikut sektor, lain-lain merupakan jumlah yang terbanyak iaitu 78 kes berbanding sektor perolehan 2 kes dan sektor penguatkuasaan 1 kes dan sektor perlesenan 2 kes.

Kebanyakan aduan integriti yang diterima adalah berkaitan dengan isu salah laku pegawai awam menurut Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 / P.U.(A) 395/1993 iaitu sebanyak 57% dari 84 kes. Selain daripada itu, terdapat juga aduan yang berkaitan salah guna kuasa (9 kes), Pengurusan (10 kes) serta Skandal/seksual (7 kes) dan rasuah (1kes).

2.3 TATATERTIB

2.1. STATISTIK TATATERTIB



Berdasarkan jadual jumlah kes tatatertib pada tahun 2020 dan 2021 menunjukkan peningkatan kes sebanyak 61%. Purata bagi tempoh 6 tahun adalah sebanyak 72 kes setahun. Unit Integriti sedang dalam usaha memperkasakan pelaksanaan Sistem Kawalan Akauntabiliti dan Integriti (SKAI) yang telah dikuatkuasakan pada awal tahun 2016 sehingga kini. Dengan pengenalan dan penerapan konsep MAHABBAH terhadap warga kerja JBPM, kebanyakkan kesalahan-kesalahan kecil dapat dibendung dengan tindakan pencegahan seperti dinyatakan di dalam SKAI 04 berkaitan Laporan Penyelia mengenai teguran dan hukuman yang diberikan atas kesalahan-kesalahan yang dikenalpasti.

BILANGAN KES TATATERTIB TAHUN 2021 MENGIKUT NEGERI

Negeri		Bilangan Kes	Negeri		Bilangan Kes
KEDAH	JBPM Negeri Kedah BBP Langkawi BBP Pendang	1 1 1	PERAK	BBP Ipoh BBP Kamunting BBP Pantai Remis BBP Pengkalan Hulu BBP Pulau Pangkor BBP Taiping BBP Tapah	2 1 1 1 1 1 1
SELANGOR	BBP Shah Alam BBP Sungai Besars BBP Cyberjaya JBPM Negeri Selangor Selangor BBP Petaling Jaya BBP Bangi BBP Serdang	2 1 1 1 1 1 1	NEGERI SEMBILAN	JBPM Negeri Sembilan BBP Seremban	1 1
TERENGGANU	BBP Kuala Terengganu BBP Chukai BBP Kuala Nerus BBP Setiu	3 2 1 1	SABAH	JBPM Negeri Sabah BBP Semporna BBP Lahat Datu	2 1 1
PULAU PINANG	BBP Sungai Bakap BBP Batu Kawan	2 1	KUALA LUMPUR	BBP Hang Tuah BBP Pudu	2 1
MELAKA	JBPM Negeri Melaka BBP Masjid Tanah	2 2	PAHANG	BBP Kuantan JBPM Negeri Pahang BBP Nenasi BBP Indera Mahkota	1 1 1 1
SARAWAK	BBP Sibu BBP Petrajaya BBP Padungan BBP Sibu Sentral BBP Samalaju BBP Song BBP Bau	4 2 1 1 1 1 1	LABUAN	BBP Kampung Jawa	1
			JOHOR	BBP Tangkak BBP Yong Peng JBPM Johor	1 1 1
			PUTRAJAYA	Ibu Pejabat JBPM Putrajaya	1

JENIS-JENIS KESALAHAN YANG DILAKUKAN TAHUN 2021

MAHKAMAH (DADAH) JBPM Sarawak : (2 kes) JBPM Pahang : (1 kes)	SALAH GUNA KUASA JBPM Johor (2 kes) JBPM Selangor (2 kes)	TIDAK HADIR BERTUGAS (DAPAT DIKESAN) JBPM Kedah (2 kes) JBPM Terengganu (3 kes) JBPM Selangor (5 kes) JBPM Pahang (1 kes) JBPM Perak (2 kes) JBPM Sabah (3 kes) JBPM KL (1 kes) JBPM Johor (1 kes) JBPM Sarawak (2 kes)	LAIN-LAIN KESALAHAN JBPM Melaka (4 kes) JBPM Pahang (1 kes) JBPM Selangor (1 kes) JBPM Terengganu (3 kes) JBPM Perak (1 kes) JBPM Negeri Sembilan (1 kes)
MAHKAMAH (SPRM) JBPM Kedah (1 kes)	LSPRM JBPM Perak (4 kes)		
TATACARA KEWANGAN JBPM Labuan (1 kes)	DADAH (PERAKUAN PEGAWAI PERUBATAN) JBPM Terengganu (1 kes) JBPM Pulau Pinang (3 kes) JBPM Kedah (1 kes)		
KESALAHAN MAHKAMAH (LAIN-LAIN) JBPM Sabah (1 kes) JBPM Negeri Sembilan (1 kes) JBPM Kuala Lumpur (1 kes) JBPM Pahang (1 kes)	TIDAK HADIR BERTUGAS (TIDAK DAPAT DIKESAN) JBPM Perak (1 kes) JBPM Pulau Pinang (1 kes) JBPM Kuala Lumpur (1 kes)	BANKRAP JBPM Sarawak (6 kes)	

JENIS-JENIS HUKUMAN TATATERTIB YANG DIKENAKAN TAHUN 2021**AMARAN - 31**

1. JBPM Kedah	: Tidak Hadir Bertugas (Dapat Dikesan)	- 1 Kes
2. JBPM Perak	: LSPRM	- 4 Kes
3. JBPM Perak	: Lain-Lain Kesalahan	- 1 Kes
4. JBPM Terengganu	: Tidak Hadir Bertugas (Dapat Dikesan)	- 2 Kes
5. JBPM Terengganu	: Lain-Lain Kesalahan	- 3 kes
6. JBPM Johor	: Salah Guna Kuasa	- 2 Kes
7. JBPM Melaka	: Lain-Lain Kesalahan	- 3 Kes
8. JBPM Pahang	: Lain-Lain Kesalahan	- 2 Kes
9. JBPM Selangor	: Lain-Lain Kesalahan	- 1 Kes
10. JBPM Selangor	: Tidak Hadir Bertugas (Dapat Dikesan)	- 1 Kes
11. JBPM Selangor	: Salah guna kuasa	- 1 kes
12. JBPM Sabah	: Tidak Hadir Bertugas (Dapat Dikesan)	- 1 Kes
13. JBPM N. Sembilan	: Salah guna kuasa	- 3 kes
14. JBPM Sarawak	: Bankrap	- 6 Kes

DENDA - 5

1. JBPM Melaka	: Lain-Lain Kesalahan	- 1 kes
2. JBPM Pahang	: Lain-Lain Kesalahan	- 1 kes
3. JBPM Sabah	: Mahkamah (Lain-lain)	- 1 kes
4. JBPM Sabah	: Tidak Hadir Bertugas (Dapat Dikesan)	- 2 kes (Dapat Dikesan)

TANGGUH PERGERAKAN GAJI - 3

1. JBPM Johor	: Salah Guna Kuasa	- 1 kes
2. JBPM Selangor	: Lain-Lain Kesalahan	- 1 kes
3. JBPM Selangor	: Salah guna kuasa	- 1 kes

LUCUT HAK EMOLUMEN - 6

1. JBPM Kedah	: Tidak Hadir Bertugas (Dapat Dikesan)	- 1 Kes
2. JBPM Sabah	: Tidak Hadir Bertugas (Dapat Dikesan)	- 2 Kes
3. JBPM Selangor	: Tidak Hadir Bertugas (Dapat Dikesan)	- 1 Kes
4. JBPM Kuala Lumpur	: Tidak Hadir Bertugas (Dapat Dikesan)	- 1 Kes
5. JBPM Terengganu	: Tidak Hadir Bertugas (Dapat Dikesan)	- 1 Kes

TURUN PANGKAT - 0**-TIADA-**

BUANG KERJA - 16


1. JBPM Sarawak	: Dadah (ADB 1952)	- 2 Kes
2. JBPM Kedah	: Mahkamah (SPRM 2009)	- 1 Kes
3. JBPM Kedah	: Tidak Hadir Bertugas (Dapat Dikesan)	- 1 Kes
4. JBPM Pahang	: Dadah (ADB 1952)	- 1 Kes
5. JBPM Pahang	: Tidak Hadir Bertugas (Dapat Dikesan)	- 1 Kes
6. JBPM Selangor	: Tidak Hadir Bertugas (Dapat Dikesan)	- 3 Kes
7. JBPM Selangor	: Tidak Hadir Bertugas JBPM Perak: Tidak Hadir Bertugas (Dapat Dikesan)	- 2 Kes
8. JBPM Perak	: Tidak Hadir Bertugas (Tidak Dapat Dikesan)	- 1 Kes
9. JBPM Terengganu	: Dadah (Perakuan Pegawai Perubatan)	- 1 Kes
10. JBPM P. Pinang	: Dadah (Perakuan (Pegawai Perubatan)	- 1 Kes
11. JBPM P. Pinang	: Tidak Hadir Bertugas (Tidak Dapat Dikesan)	- 1 Kes
12. JBPM Kuala Lumpur	: Tidak Hadir Bertugas (Tidak Dapat Dikesan)	- 1 Kes

TURUN GAJI - 5

1. JBPM Labuan	: Tatacara Kewangan	- 1 Kes
2. JBPM Sarawak	: Dadah (Per. Peg. Perubatan)	- 1 kes
3. JBPM Pulau Pinang	: Dadah (Per. Peg. Perubatan)	- 1 kes
4. JBPM N. Sembilan	: Mahkamah (Lain-Lain)	- 1 kes
5. JBPM Kuala Lumpur	: Mahkamah (Lain-Lain)	- 1 kes

DILEPASKAN - 2

1. JBPM Melaka : Lain-Lain Kesalahan - 1 kes
2. JBPM Selangor : Salah Guna Kuasa - 1 kes

STATISTIK KES SURCAJ 2016 – 2021



MESYUARAT LTT YANG TELAH DILAKSANAKAN

1. LTT Kumpulan Pengurusan No. 2 - 2 Jun 2021
2. LTT Kumpulan Sokongan No. 1 - 15 Januari 2021
 - 6 Jun 2021
 - 20 September 2021

MESYUARAT LTT KUMPULAN SOKONGAN NO.2

BIL.	URUSETIA JBPM	TARIKH
1.	Ibu Pejabat JBPM	14.04.2021 18.1.2021
2.	JBPM Negeri Perlis	12.08.2021
3.	JBPM Negeri Kedah	25.02.2021
4.	JBPM Pulau Pinang	04.08.2021 27.10.2021
5.	JBPM Negeri Perak	02.03.2021 04.08.2021
6.	JBPM Negeri Selangor	23.07.2021
7.	JBPM Negeri Sembilan	23.03.2021 22.06.2021 21.09.2021
8.	JBPM Negeri Melaka	31.03.2021
9.	JBPM Negeri Johor	12.08.2021 02.09.2021

4. KESIMPULAN

Fungsi teras yang telah diamanahkan kepada Unit Integriti akan digalas dengan sebaiknya dalam menentukan bahawa aktiviti pemantapan tadbir urus dan pematuhan; pengukuran integriti dan pengurusan aduan; serta tugas pengesanan, pengesahan dan tatatertib seperti yang termaktub dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil.6 Tahun 2013, akan di jalankan dengan penuh tanggungjawab dan berintegriti.

Unit Integriti sentiasa komited untuk memainkan peranan penting untuk memastikan semua pegawai dan kakitangan jabatan mematuhi khususnya Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993, serta Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Bomba (Tatasusila Pegawai Bomba) 2003.

Dengan sokongan dan komitmen pengurusan tertinggi dan warga jabatan keseluruhannya kita percaya jabatan akan dapat mencapai visi yang telah digariskan dan akan dapat mendepani cabaran dengan penuh yakin serta menentukan jati diri warga jabatan tetap kukuh, kental dan ampuh dalam menegakkan prinsip integriti.

Unit Integriti dalam aspek pendisiplinan, pelbagai program-program yang dijalankan adalah bagi mendorong pegawai mengikuti dan mematuhi pelbagai peraturan dan standard sehingga penyelewengan dapat dicegah. Aspek-aspek kesedaran tentang kewujudan peraturan-peraturan pendisiplinan dan tatasusila Pegawai Bomba juga telah dibincangkan bersama anggota.

Unit Integriti sentiasa komited untuk memainkan peranan penting untuk memastikan semua pegawai dan kakitangan jabatan mematuhi Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U. (A) 395/1993] serta Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Bomba (Tatasusila Pegawai Bomba) yang sedang berkuatkuasa seterusnya mendokong visi dan misi jabatan.



PEMBANGUNAN MODAL INSAN TAHUN 2021

JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

PEMBANGUNAN MODAL INSAN LATIHAN DAN KURSUS

A. MERANCANG DAN MENKOORDINASI PROGRAM LATIHAN/ KURSUS


Pelaksanaan Program Latihan Formal Yang Dirancang

Pada tahun 2020, Bahagian Latihan


- Prestasi Siri kursus 2020 = 464 / 431
- Prestasi Kewangan 2020 = RM 7,258,984.62 / RM 9,043,562.89
- Prestasi Siri kursus 2021 = 737 / 407
- Prestasi Kewangan 2021 = RM 4,241,466.43 / RM 5,056,166.77

PERKARA	BIL. SIRI KURSUS 2021		% PENCAPAIAN
	SASARAN	PENCAPAIAN	
Kursus Wajib	6	0	0%
Kursus Umum	78	159	203.85%
Kursus Functional	306	561	183.33%
Kursus Institusi Swasta/ Pakar Luar Dalam Negara	17	17	100%
JUMLAH KESELURUHAN	407	737	181.08%

STATUS PELAKSANAAN SIRI LATIHAN/
KURSUS JBPM TAHUN 2021



STATUS PERBELANJAAN LATIHAN/ KURSUS JBPM TAHUN 2021



Bagi tahun 2021, Jabatan telah melaksanakan sebanyak 737 siri program latihan/ kursus yang meliputi Kursus Wajib, Kursus Umum, Kursus Functional dan Kursus Swasta/ Pakar Luar dengan perbelanjaan peruntukan kewangan sebanyak RM 4,241,466.43 iaitu sebanyak 83.89% peratus

Pelaksanaan Dasar Latihan Sumber Manusia

Pekeliling Perkhidmatan JPA Bil.6 Tahun 2005 mengenai Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam telah menggariskan setiap penjawat awam perlu menghadiri/mengikuti latihan atau kursus sekurang-kurangnya tujuh hari dalam tempoh setahun, bagi melengkapkan diri dengan sikap (attitude), kemahiran (skills) dan pengetahuan (knowledge) yang bersesuaian. Sehingga bulan Disember 2021, jumlah kakitangan di JBPM adalah seramai 13,519 orang. Laporan keseluruhan latihan pembangunan pegawai dan kakitangan JBPM adalah seperti Jadual di bawah:-

Kumpulan	Bilangan Perjawatan	Bilangan Anggota yang diisi	7 < Hari	7 > Hari	Peratus (%)
JUSA	5	5	0	5	100%
Pengurusan dan Professional	537	474	0	477	100%
Sokongan I (Gred 29-40)	1,260	1193	0	1212	100%
Sokongan II (Gred 1-28)	13,267	11,847	0	12068	100%
JUMLAH	15,069	13,519	0	13,762	100%

Jadual 2 : Bilangan penjawatan dan pegawai yang menghadiri kursus bagi tahun 2021

Kesimpulannya, objektif JBPM untuk memastikan setiap kakitangan memenuhi keperluan tujuh hari latihan dalam setahun adalah tercapai dengan 13,519 iaitu (100%) orang pegawai dan kakitangan JBPM telah berjaya menghadiri tujuh hari berkursus sepanjang tahun 2021.

B. MELAKSANAKAN PROGRAM TAHUNAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

i. Perkhemahan Kadet Bomba Peringkat Kebangsaan Kali ke-30

Cabaran Kadet Bomba dan Penyelamat Malaysia Tahun 2021

Anjuran : Bahagian Latihan

Penyertaan : Pelajar Tingkatan 4 dan 5
(Kadet Bomba dan Penyelamat Malaysia seluruh negeri)

Tempat : Secara atas talian dengan memuat naik video pertandingan melalui aplikasi You Tube

Tarikh : 1 hingga 3 November 2021

Jumlah Peserta : 960 orang



ii. Pertandingan Kawad Kecekapan

Dibatalkan

iii. Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif Peringkat (KIK) Kebangsaan Tahun 2021

Dibatalkan

C. MELAKSANAKAN PROGRAM KERJASAMA LATIHAN KEBOMBAAN BERSAMA INSTITUSI DALAM DAN LUAR NEGARA

Kursus Dalam Negara (EMRS)

Dibatalkan

Luar Negara

a) Kursus, Persidangan, Seminar, Latihan, Bengkel Dan Lawatan Ke Luar Negara

Kursus / Persidangan / Seminar / Latihan / Bengkel dan Lawatan Ke Luar Negara		
Bil.	Negara	Jumlah Pegawai
1	Ukraine	2
2	Sepanyol	1
Jumlah		3

- b) Pencapaian perbelanjaan peruntukan kewangan 2021 di bawah program sedia ada latihan ialah sebanyak RM15,829,053.88 dan peratusan perbelanjaan ialah sebanyak 86.17 peratus (%). Manakala di bawah program one-off JBPM jumlah peruntukan ialah sebanyak RM 485,000.00 dengan peratusan pencapaian perbelanjaan ialah sebanyak 65.9 peratus (%).

D. MENGURUS PERKEMBANGAN KERJAYA DAN KEMAJUAN DIRI

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia menggalakkan pegawai serta kakitangan JBPM untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi bagi meningkatkan keupayaan dan prestasi dalam bidang kerjaya. Jadual di bawah menunjukkan bilangan pegawai dan kakitangan JBPM yang melanjutkan pengajian di Institusi Pengajian Tinggi dalam Negara :-

Bil.	Peringkat Pengajian	Masih Belajar	Tangguh Belajar	Tamat Belajar	Berhenti Belajar	Jumlah
1	PHD	3	-	3	2	8
2	Ijazah Sarjana	33	-	44	-	77
3	Ijazah Sarjana Muda	206	-	210	-	416
4	Diploma	26	-	82	-	108
JUMLAH		268	0	339	2	609

Pegawai dan kakitangan JBPM yang melanjutkan pelajaran di Institusi Pengajian Tinggi dalam negara mengikut peringkat pengajian dari tahun 2009 hingga 2021.

E. PENCAPAIAN AKTIVITI BAHAGIAN LATIHAN BAGI TAHUN 2021

1. Konvensyen Pancaragam Tahun 2021

Program / Latihan : Konvensyen Pasukan Pancaragam JBPM Tahun 2021
 Anjuran : Bahagian Latihan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
 Tarikh : 7 hingga 12 April 2021
 Tempat : Secara dalam talian (Zoom Meeting)
 Jumlah Peserta : 119 orang

Bil	JBPM/ABPM Negeri	Jumlah Peserta
1	ABPM Wilayah Tengah	30 Orang
2	JBPM Selangor	12 Orang
3	JBPM Johor	12 Orang
4	JBPM Sabah	27 Orang
5	JBPM Pulau Pinang	28 Orang
6	Pasukan Kombo JBPM	10 Orang
Jumlah Keseluruhan		119 Orang



2. Mesyuarat Komandan Dan Penolong Pengarah Bahagian Latihan Negeri

Pada tahun 2021, Bahagian Latihan Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah mengadakan tiga kali mesyuarat Komandan dan Penolong Pengarah Bahagian Latihan Negeri. Mesyuarat sebegini diadakan bagi memastikan pelaksanaan kursus-kursus di peringkat Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia (ABPM) dan Bahagian Latihan Negeri berjalan mengikut jadual yang ditetapkan. Selain itu, mesyuarat ini juga bertujuan bagi memantau prestasi perbelanjaan kewangan ABPM dan Bahagian Latihan Negeri.

a) Mesyuarat Komandan dan PPL Negeri

- i. Bil. : 1/2021
- Tarikh : 25 hingga 26 Mac 2021
- Tempat : Resorts World Awana, Genting Highland




- ii. Bil. : 2/2021
- Tarikh : 14 Julai 2021
- Tempat : Bahagian Latihan, Ibu Pejabat JBPM
- Gambar : Secara dalam talian (Zoom Meeting)

- iii. Bil. : 3/2021
- Tarikh : 29 November 2021
- Tempat : Bahagian Latihan, Ibu Pejabat JBPM
- Gambar : Secara dalam talian (Zoom Meeting)

3. International Fire Conference and Exhibition Malaysia 2021 (IFCEM)

Anjuran	: Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
Penyertaan Persidangan	: 1,374 orang
Penyertaan Pameran	: 83 buah Syarikat
Tempat	: Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC)
Tarikh	: 11-13 November 2021
Jumlah Peserta	: 1,374 Penyertaan Persidangan

Gambar





4. BEST Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) Tahun 2021

Anjuran	: Bahagian Sumber Manusia (BSM), KPKT dengan kerjasama Bahagian Latihan JBPM
Penyertaan	: Pengurusan Tertinggi KPKT dan Jabatan di bawah KPKT
Tempat	: Berjaya Hotel and Resort, Pulau Langkawi
Tarikh	: 19 – 21 November 2021
Jumlah Peserta	: 50 orang
Gambar	:



5. Program Pemantapan Pengetahuan, Kemahiran dan Kecergasan di Balai (Fasa 4)

Program / Latihan : Program Pemantapan Pengetahuan, Kemahiran dan Kecergasan di Balai (Fasa 4)



Anjuran : Bahagian Latihan, Ibu Pejabat JBPM
Modul :

BIL	NEGERI		BILANGAN				BILANGAN			
		JUMLAH	JAWAB	%	TIDAK JAWAB	%	GAGAL	%	LULUS	%
1	Asas Pertolongan Cemas	9183	8920	97.1%	263	2.9%	4901	53.4%	4019	43.8%
2	Sistem Pepasangan Keselamatan (Aktif)	9088	9077	99.9%	11	0.1%	527	5.8%	8550	94.1%
3	Alat Pemadam Api	9063	9031	99.6%	32	0.4%	595	6.6%	8436	93.1%
4	Asas Pertolongan Cemas	8999	8962	99.6%	37	0.4%	275	3.1%	8687	96.5%
5	9 Kelas Bahan Berbahaya	9018	8975	99.5%	43	0.5%	658	7.3%	8317	92.2%
6	PPE (CPS) & BA - Chemical	9011	8469	94.0%	542	6.0%	848	9.4%	7621	84.6%
7	Sistem Pepasangan Keselamatan (Pasif)	8980	8536	95.1%	444	4.9%	1987	22.1%	6549	72.9%
8	Penghapusan Bahaya Kebakaran (MBK)	8980	8823	98.3%	157	1.7%	1541	17.2%	7282	81.1%

Tempat : Dilaksanakan di semua JBPM Negeri

Peserta Kursus : Gred KB19 dan KB22 (KUP) yang bertugas di Balai Bomba dan Penyelamat JBPM Negeri

Pencapaian :





6. Program Grab Course di JBPM Negeri

Program / Latihan : Grab Course di JBPM Negeri
 Anjuran : Bahagian Latihan, Ibu Pejabat JBPM
 Jumlah Siri Dirancang : 32 Siri
